BERITA HASIL

LHDN MALAYSIA

Bil. 2/2020/Percuma

DATUK DR. SOTIMIN MUHALIP

PENGARAH JABATAN OPERASI CUKAI

ISBN 978-983-9827-33-0

EKONOMI BAYANGAN

AYUH BERSAMA LHDNM DALAM MENANGANI EKONOMI BAYANGAN BAGI MEMBANTU KERAJAAN MENGUTIP CUKAI YANG SEPATUTNYA

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

AMANAT CEO

"... dengan pengumuman pakej-pakej rangsangan ekonomi oleh kerajaan iaitu Pakej PRIHATIN dan PENJANA baru-baru ini yang secara keseluruhannya bernilai RM295 bilion, pastinya meletakkan tanggungjawab yang lebih besar dan penting ke atas LHDNM untuk memastikan kerajaan mempunyai dana yang mencukupi untuk membiayai program pembangunan dan perbelanjaan operasi yang telah dirancang.

Dana ini amat penting kerana pada ketika ini, negara berada pada fasa ketiga (3) dalam strategi menangani pandemik COVID-19 iaitu menjana semula ekonomi secara teratur dan terkawal."

Dato' Sri Dr. Sabin Samitah
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LHDNM

Petikan daripada Teks Ucapan
Mesyuarat Pengurusan Atasan Bil. 1/2020

LHDN
MALAYSIA

KANDUNGAN

TEAM BERITA HASIL

PENAUNG
YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Samitah

PENASIHAT
Hishamudin Mohamed

KETUA EDITOR
Umi Kalsom Harun

EDITOR
Dr. Abdul Razak Mohamad Dewa

PENOLONG EDITOR
Junaidatul Al-Fatiah Elias

JURUGAMBAR
Mohd Khairul Nizam Jamil

PEREKA GRAFIK
Percetakan Norfatimah Sdn Bhd

KOLUMNIS
Dr. Abdul Razak Mohamad Dewa
Azmin Omar
Ikmal Rashmy Ismail
Junaidatul Al-Fatiah Elias
Nasir Hasan
Nor Lela AlKamah

TERIMA KASIH
Bahagian Komunikasi,
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Cawangan Melaka
Jabatan Pengurusan Insan
Jabatan Penyelidikan Percukaian
Jabatan Siasatan

EDARAN
Pusat Sumber LHDNM

TARIKH KELUARAN
Oktober 2020

3 AMANAT CEO LHDNM

6 NOTA KETUA EDITOR

8 YBHG. DATUK DR. SOTIMIN MUHALIP (PENGARAH JABATAN OPERASI CUKAI)

12 DEFINISI EKONOMI DIGITAL

16 JADUAL CP 500

17 PENYIMPANAN REKOD PERNIAGAAN

19 LANGKAH KESEDARAN CUKAI DIPERKASAKAN

20 YOU'VE GOT EMAIL FROM LHDNM! – AKTIVITI EMAIL BLAST OLEH LHDNM

22 WASPADA DENGAN KEGIATAN SCAMMER!

24 RANGKUMAN LAWATAN MENTERI KEWANGAN KE LHDNM

26 KONVENSYEN SIASATAN 2020

28 SIMPOSIUM PENYELIDIKAN PERCUKAIAN 2020

30 HASILIAN PRIHATIN

32 MESYUARAT AGUNG EXEC KALI KE-8

34 PROGRAM DERMA DARAH PERDANA

36 MAJLIS BACAAN YASSIN PERKIS

38 SIRI KLINIK CUKAI DI BERNAMA RADIO

40 BERAS SEGENGGAM TIDAK AKAN BERUBAH MENJADI NASI, JIKA API TAKUT DINYALAKAN - IKMAL RASHMY ISMAIL, CHARTERED PUBLIC FINANCE ACCOUNTANT (CPFA UK)

43 HAK PEKERJA DALAM ISLAM (BAHAGIAN 1)

44 KAWAL KEBIMBANGAN DALAM 5 MINIT

46 KESIHATAN MENTAL & FIZIKAL DALAM NORMA BAHARU

47 WHICH COUNTRIES TAX THEIR CITIZENS THE MOST?

48 STRANGE & UNUSUAL TAX THROUGHOUT HISTORY

Nota Ketua Editor

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Semasa pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang sepatutnya berakhir pada 31 Ogos 2020 disambung sehingga ke akhir Disember, pelbagai reaksi dan respon diberikan. Ada yang menerimanya dengan terbuka, namun tidak kurang juga yang meluahkan rasa kurang selesa. Hasilian turut tidak terkecuali apabila perlu membiasakan diri dalam persekitaran kerja yang berbeza dan langkah pencegahan yang lebih proaktif harus dititikberatkan sejak diminta hadir bertugas di pejabat secara berperingkat mulai 12 Mei 2020.

Walau apa jua pilihan diambil, apa yang pasti adalah kita tidak lagi berada dalam zon yang sama seperti rutin yang biasa diamalkan sebelum 18 Mac 2020. Sekalipun PKPP dilihat sebagai satu fasa yang agak longgar dan ringan berbanding dengan perintah-perintah sebelumnya, itu tidak bermakna masyarakat boleh mengambil mudah dengan prosedur-prosedur keselamatan yang saban waktu dihebahkan tanpa henti oleh agensi yang berkaitan. Setiap daripada ahli masyarakat seharusnya sedar akan peranan dan tanggungjawab masing-masing bagi membantu para petugas barisan hadapan berkhidmat dengan lebih berkesan.

Skop yang diketengahkan oleh Sidang Redaksi Berita Hasil kali ini banyak menyentuh tentang perkara yang perlu diketahui dan dibiasakan oleh pembaca dalam menghadapi norma baharu ini. Selain itu, usaha berterusan terhadap program kesedaran dan pendidikan cukai turut dipergiatkan dalam memastikan segala hebahan percukaian akan dapat disampaikan secara menyeluruh serta berkesan. Selain daripada menjaga ahli keluarga, keprihatinan terhadap rakan sejawat dan organisasi juga perlu diberi perhatian agar tiada yang keciciran, *no one will left behind.* Sama-sama kita mengamalkan prosedur kesihatan yang disarankan oleh pihak berkuasa dan menjadi rakyat yang bertanggungjawab dalam mengharungi situasi ini. Kita terus jaga kita!

Terima kasih dan selamat membaca!

Umi Kalsom Harun

Mesej Mesra Masyarakat

Perjuangan masih belum selesai

Bantulah Malaysia dengan mengamalkan kebiasaan baharu

Anda adalah wira negara

MALAYSIA PRIHATIN

LHDN MALAYSIA

JABATAN KHIDMAT KORPORAT
CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

YBHG. DATUK DR. SOTIMIN MUHALIP

PENGARAH JABATAN OPERASI CUKAI

Oleh : Junaidatul Al-Fatiah Elias

LATAR BELAKANG DIRI DAN KELUARGA

YBhg. Datuk Dr Sotimin Muhalip dilahirkan di Kampung Mohimboyon, Ranau. Beliau yang dilahirkan pada 1 Disember 1967 merupakan anak keempat daripada tujuh orang adik beradik. Menurut beliau, kedudukan kampungnya yang berhampiran dengan Kundasang dan kaki Gunung Kinabalu yang bercuaca dingin membolehkan keluarganya mengusahakan tanaman sayuran untuk menyara keluarga selain mengusahakan tanaman padi bukit. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan YBhg Datin Anie @ Nurhazwani Abdullah dan dikurniakan dua orang cahaya mata. Perwatakan beliau mungkin dilihat serius, tetapi mudah didekati dan sentiasa terbuka semasa menceritakan setiap pengalaman yang dilalui serta optimis dalam memberikan kata-kata positif untuk dikongsikan dengan pembaca.

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN DAN PEKERJAAN SEBELUM BERKHIDMAT DENGAN LHDNM

Menelusuri semula kehidupan semasa kecil, beliau memulakan zaman persekolahan di Sekolah Kebangsaan Mohimboyon, Ranau sebelum ke peringkat menengah di SMK Mat Salleh, Ranau. Seterusnya, beliau menyambung pelajaran ke Tingkatan 6 di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Sabah, Kota Kinabalu pada tahun 1984 dan telah dianugerahkan sebagai pelajar terbaik keseluruhan STPM di sekolah tersebut pada tahun 1985. Kecemerlangan tersebut diteruskan apabila beliau berjaya menyambung pengajian ke Universiti Malaya, Kuala Lumpur dalam jurusan ekonomi dan dinobatkan sebagai satu-satunya pelajar Bumiputera yang memperoleh Kelas Pertama, Sarjana Muda Ekonomi pada tahun 1989 di Universiti Malaya. Berdasarkan keputusan tersebut beliau bersama dengan tiga orang pelajar dari universiti awam seluruh Malaysia telah menerima anugerah Bank Negara Malaysia bagi Graduan Ekonomi Terbaik Malaysia pada tahun 1990.

Selepas tamat pengajian di Universiti Malaya, beliau menerima banyak tawaran pekerjaan daripada sektor awam dan swasta. Walau bagaimanapun, beliau telah memilih untuk berkhidmat di Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) sebagai Penolong Pegawai Projek, dan kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Perkhidmatan Pengurusan sebelum menyertai Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) pada tahun 1991.

PENGALAMAN DAN LALUAN KERJAYA DI JHDN / LHDNM

YBhg. Datuk Dr. Sotimin mula melaporkan diri pada 19 Januari 1991 dan penempatan pertama beliau adalah di Cawangan Kota Kinabalu. Sepanjang perkhidmatan sehingga kini, beliau telah bertugas hampir ke serata wilayah dalam Malaysia di samping berkesempatan untuk menyambung pelajaran ke peringkat tertinggi.

Tahun	Penempatan
19 Januari 1991 – 1995	Cawangan Kota Kinabalu
1995 – 1999	Cawangan Siasatan Kota Kinabalu
2000 – 2001	Cawangan Keningau sebagai Ketua Cawangan
2001 –2003	Menyambung pelajaran ke Hitotsubashi University, Tokyo, Jepun dalam bidang Sarjana Polisi Awam (di bawah program JICA)
2003 – 2004	Cawangan Melaka. Dilantik sebagai Timbalan Pengarah Cawangan mulai 1 Januari 2004
2005 – 2006	Cawangan Kuala Terengganu sebagai Pengarah Cawangan
2006 –2010	Menyambung pelajaran ke *School of Economics,* University of East Anglia, United Kingdom peringkat PhD (di bawah biasiswa LHDNM)
2010 – 2012	Jabatan Percukaian Antarabangsa

2012 – 2014	Jabatan Cukai Multinasional (sekarang Cawangan Cukai Multinasional)
2015 – 2017	Cawangan Siasatan Kota Kinabalu sebagai Pengarah Cawangan
2017 – 2018	Pengarah Negeri Sabah
2018 – 2019	Pengarah Akademi Percukaian Malaysia
15 Mac 2019 – 31 Oktober 2020	Pengarah Jabatan Operasi Cukai
*Mulai 1 November 2020	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)

**Pada tarikh artikel ini disediakan, surat lantikan YBhg. Datuk Dr. Sotimin sebagai TKPE (Pengurusan) mulai 1 November 2020 telah dikeluarkan bertarikh 25 September 2020.*

Pengalaman bertugas di pelbagai tempat ini banyak membantu YBhg. Datuk Dr. Sotimin dalam melaksanakan tugasan seharian. Beliau berterima kasih kepada Pengurusan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) terdahulu kerana memberi peluang kepada beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD, sekali gus membuka ruang untuk beliau menimba ilmu pengetahuan di luar negara. Tambah membanggakan, beliau juga merupakan antara penerima awal biasiswa pendidikan yang ditawarkan di bawah LHDNM.

2011 - Ketika Majlis Graduasi PhD Daripada University of East Anglia, United Kingdom

2008 - Bersama Anak-Anak Beliau Semasa Di Norwich, United Kingdom

2008 - Bersama Isteri Dan Anak Beliau Semasa Di Norwich, United Kingdom

CABARAN TERBESAR SEPANJANG BEKERJA DI JHDN/ LHDNM

"Cabaran itu relatif. Kalau kita ada ilmu, semua perkara takkan mencabar. Kalau sebaliknya, segala yang dilaksanakan adalah cabaran," demikian jawapan YBhg. Datuk Dr. Sotimin apabila ditanyakan oleh penulis. Bermula sebagai seorang pegawai biasa, beliau telah melalui beberapa fasa kerjaya sehingga menjadi seorang pengarah jabatan yang semestinya diuji dengan pelbagai perkara. Beliau menekankan betapa pentingnya seorang pegawai LHDNM mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan, lebih-lebih lagi berkaitan tugasan hakiki dan sentiasa bersikap terbuka untuk menerima ilmu daripada sesiapa sahaja di sekeliling kita.

Beliau memaklumkan bahawa beliau bernasib baik kerana telah diberi peluang oleh Pengurusan LHDNM untuk menerajui satu cawangan dalam usia yang muda. "Saya baru berkhidmat selama 8 tahun di LHDNM dan baru berusia 32 tahun semasa saya dilantik sebagai Ketua Cawangan Keningau pada tahun 2000. Sememangnya tugas ini amat mencabar buat saya kerana perlu belajar pelbagai perkara dengan pantas. Saya juga perlu menguruskan pelbagai peringkat pegawai, termasuklah yang lebih berpengalaman dan berusia daripada saya. Di sinilah seseorang ketua itu perlu bijaksana dalam mengurus untuk membolehkan sasaran yang telah ditetapkan oleh Pengurusan LHDNM dapat dicapai," ujar beliau.

STRATEGI YANG DITETAPKAN KEPADA JABATAN SELIAAN UNTUK MENCAPAI SASARAN YANG TELAH DITETAPKAN OLEH PIHAK PENGURUSAN

Sebagai ketua, YBhg. Datuk Dr. Sotimin percaya *rigorous monitoring* merupakan salah satu daripada elemen penting dalam pelaksanaan tugas bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh pengurusan. Selaras dengan pendekatan yang dipilih, beliau memantau kedudukan terkini setiap kerja di Jabatan Operasi Cukai (JOC) menggunakan senarai semak yang disediakan oleh seorang pegawai yang ditugaskan secara khusus. Senarai semak ini dikemaskini setiap minggu dan ia mengandungi kompilasi kedudukan, status setiap kerja dan juga pegawai yang menjadi penyelaras kepada kerja tersebut. Senarai semak ini bukan sahaja menjadi rujukan pantas pengarah JOC, malahan membolehkan setiap bahagian di JOC melihat perkembangan yang berlaku di bahagian lain dalam jabatan tersebut.

HALA TUJU YANG DIBAYANGKAN TERHADAP LHDNM DALAM TEMPOH LIMA (5) TAHUN AKAN DATANG MENGIKUT STRATEGI YANG TELAH DIRANGKA

Menurut YBhg. Datuk Dr Sotimin, hala tuju LHDNM telah pun jelas sebagai mana termaktub dalam Pelan Korporat 5 Tahun LHDNM. Sebagai mana kandungan Pelan Korporat LHDNM, isu pematuhan cukai dan pembangunan kompetensi pegawai akan terus relevan dalam tempoh 5 tahun akan datang. “Kita juga akan melihat penggunaan IT yang lebih intensif dan efisien dalam memudahkan pelaksanaan kerja di LHDNM dan akan terdapat peningkatan komunikasi atau urusan dua hala dengan pembayar cukai melalui infrastruktur IT. Dijangka cara kerja akan berubah secara berperingkat dan semua pegawai perlu dipersiapkan dengan lebih awal untuk menghadapi cabaran tersebut. Selagi Hasilian berpegang dengan perancangan yang telah dirangka, segala urusan akan berjalan dengan lancar,” ujar beliau.

PERUBAHAN ATAU PENCAPAIAN TERBESAR PERNAH DISUMBANGKAN SEPANJANG BEKERJA BERSAMA JHDN / LHDNM

Secara peribadi, YBhg. Datuk Dr Sotimin merasakan tiada perubahan besar telah dibuat sepanjang bertugas dengan LHDNM. Semua perubahan adalah berskala kecil dan selaras dengan polisi serta arahan semasa pengurusan. Mengimbas kembali semasa bulan pertama di Akademi Percukaian Malaysia (APM), beliau telah meminta semua pegawai APM (lebih kurang 270 orang kesemuanya) memberikan pandangan dan cadangan untuk menjadikan APM sebagai pusat latihan unggul. Hasilnya, seramai 120 pegawai telah mengemukakan ratusan cadangan untuk tujuan penambahbaikan APM ketika itu.

2003 - Ketika Majlis Graduasi Sarjana Daripada Hitotsubashi University, Japan

Beliau menambah, semasa komputer peribadi baru diperkenalkan di JHDN sekitar tahun 1992, beliau bersama-sama beberapa rakan di Kota Kinabalu telah sama-sama mengusahakan penubuhan Kelab Komputer dan seterusnya menganjurkan kelas komputer kepada pegawai-pegawai JHDN di sana dari masa ke masa. “Saya dan rakan-rakan telah mengambil inisiatif sendiri untuk belajar beberapa perisian seperti *Lotus 1-2-3* dan *Word Perfect,* seterusnya menyampaikan sedikit ilmu yang kami ada kepada pegawai-pegawai JHDN yang berminat” ujar beliau.

2003 - Bersama-Sama Rakan Sekelas Di Hitotsubashi University, Japan

Inisiatif ini telah mendapat sokongan yang kuat daripada pengurusan JHDN Kota Kinabalu pada masa itu. Tambah beliau, “saya memandang perkara itu bukan dari segi manfaat secara terus (penggunaan komputer) sahaja, tetapi lebih kepada kesedaran. Apabila ramai yang tahu menggunakan komputer, mereka akan lebih terbuka untuk menerima ilmu yang baharu dan bersedia dengan perubahan dalam cara kerja.”

Minat yang mendalam terhadap komputer juga telah mendorong beliau untuk mendalami pengaturcaraan *Dbase,* dan seterusnya membangunkan sistem rayuan berkomputer di Unit Syarikat, Cawangan Kota Kinabalu sekitar tahun 1993 bagi memudahkan pemantauan rayuan di unit itu. Sistem tersebut turut menarik perhatian pengarah Negeri Sabah ketika iaitu YM Tengku Kamaruzzaman Tengku Ahmad sehingga dibawa untuk dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan atasan di Pulau Pinang. Malangnya sistem tersebut tidak lama digunakan.

KENANGAN TERINDAH YANG TIDAK DAPAT DILUPAKAN SEPANJANG BEKERJA DI JHDN / LHDN.

“Dipilih mewakili LHDNM untuk hadir ke *General Tax Administration Course (GTAC)* selama tiga (3) bulan di Jepun pada 1999 adalah pengalaman terindah dan membawa impak besar kepada saya kerana itulah kali pertama saya ke luar negara, lagi-lagi dalam usia kerjaya yang masih baru,” kongsi beliau. Pengalaman itu banyak membuka minda beliau terhadap kehidupan dan kerjaya memandangkan peserta kursus tersebut terdiri daripada pelbagai negara. Beliau menambah, keterujaan dan semangat yang dirasai ketika itu sememangnya berbeza serta bermakna kerana pada tahun-tahun awal kerjaya beliau, peluang dan ruang tersebut bukannya mudah untuk dikecapi.

AKTIVITI ATAU HOBI UNTUK MENGURANGKAN TEKANAN KERJA DI PEJABAT.

YBhg Datuk Dr Sotimin menyatakan hobi beliau berubah mengikut fasa kehidupan. Pada peringkat awal kerjaya beliau di JHDNM, beliau lebih gemar mengisi masa lapang beliau dengan memanfaatkan kemudahan yang boleh diperoleh daripada komputer. Beliau juga gemar bermain catur dan menyertai pertandingan catur apabila berkesempatan. Beliau pernah mewakili negeri Sabah dan negeri Terengganu dalam acara catur peringkat MAKSAK. Beliau juga pernah mewakili Zon Cyber dan Zon Utara dalam Sukan Hasil. Beliau turut mewakili LHDNM di peringkat MAKSWIP dan juga Sukan Kewangan.

Selain itu, beliau juga suka meluangkan masa dengan berkebun. “Semasa belajar di UK dahulu pun, saya juga menanam sayur-sayuran yang sesuai dengan cuaca di sana di belakang rumah. Selain daripada mengindahkan dan memenuhkan halaman rumah, tumbuhan ini juga dapat dituai hasilnya untuk kegunaan sendiri” ujar beliau. Hobi ini juga dikongsi dengan rakan-rakan beliau apabila turut menyemai benih buah-buahan dan diberikan kepada rakan-rakan yang berminat.

TIGA (3) PERKARA YANG PERLU ADA DALAM SEORANG HASILIAN SEKIRANYA INGIN MENJADI PEGAWAI YANG CEMERLANG DI LHDNM

YBhg. Datuk Dr. Sotimin menyatakan bahawa ada banyak perkara yang perlu ada pada seorang Hasilian sekiranya ingin menjadi pegawai cemerlang. **Disiplin** dalam kerja merupakan salah satu kunci terpenting kejayaan. “Apapun bidang yang diceburi, jika tiada disiplin, kejayaan mungkin tidak dapat dicapai”, kata beliau. Beliau menambah, elemen kedua yang tidak kurang pentingnya ialah ilmu pengetahuan. Seseorang pegawai perlu **tahu tugas dan tanggungjawabnya** di mana jua ditempatkan. Pegawai perlu mengambil inisiatif untuk belajar dan meningkatkan ilmu pengetahuan supaya dapat melaksanakan tugas secara berkualiti. Elemen ketiga yang penting ialah keupayaan **bekerja dalam kumpulan.** Sebagai salah seorang anggota dalam organisasi besar seperti LHDNM, seseorang pegawai tidak akan dapat membantu menjadikan LHDNM sebagai organisasi unggul sekiranya setiap pegawai tidak menyokong di antara satu sama lain. “Selain daripada elemen di atas, lakukan apa jua kerja yang diamanahkan dengan sepenuh hati.” ujar beliau.

INSPIRASI KEJAYAAN DAN KATA-KATA MOTIVASI KEPADA HASILIAN

Prinsip kejayaan yang dipegang oleh YBhg Datuk Dr Sotimin ialah kegigihan berusaha dan kecekalan hati dalam mencapai apa juga yang dicita-citakan. “Sering kita dengar ungkapan, *‘there is no substitute to hardwork’* dan ia adalah amat tepat. Prinsip gigih dan cekal ini tetap relevan tanpa mengira besar atau kecilnya cita-cita kita,” ujar beliau sebelum menamatkan bicara.

DEFINISI EKONOMI DIGITAL

Oleh: **Dr. Abdul Razak Mohamad Dewa**

Ekonomi digital (ED) berkembang sangat pantas terutama di negara sedang membangun dan dianggarkan antara 15-25% setiap tahun (WEF 2015). Berdasarkan laporan *Information and Communication Technology Satellite Account (ICTSA) 2018,* sumbangan ED kepada ekonomi negara terus berkembang kepada RM267.7 bilion pada tahun 2018, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.9 peratus (2017: 9.8%). Perkembangan ED di mana jua adalah lebih pantas daripada perkembangan ekonomi konvensional. Dalam Belanjawan 2020 yang dibentangkan, terdapat penekanan untuk memperluaskan sumber hasil baharu. Petunjuk yang paling ketara ialah hasil yang berlandaskan ED. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, ED menjanjikan prospek pulangan yang signifikan untuk masa depan Malaysia. Ia akan menjadi pemangkin peningkatan pertumbuhan ekonomi, produktiviti modal dan tenaga kerja, menurunkan kos transaksi dan memudahkan akses ke pasaran global. Kepentingan ED ini dipengaruhi oleh ekonomi, politik dan paling utama ialah inovasi teknologi sebagai penggerak yang berasaskan penggunaan internet secara meluas. Oleh itu mana-mana negara di dunia yang telah merencanakan pertumbuhan ekonomi masa depannya pasti menggerakkan aset dan keupayaan infrastruktur masing-masing ke arah pendigitalan ekonomi.

Malaysia tidak terkecuali apabila kerajaan mengemukakan rancangan meneroka sumber hasil negara baharu yang dipetik daripada konteks Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP). Pendekatan baharu dalam strategi pengukuhan fiskal negara itu bakal memperlihatkan Malaysia meneroka bidang teknologi disruptif seperti *Internet of Things (IoT),* kepintaran buatan (AI) dan e-dagang untuk melahirkan lebih ramai usahawan digital tempatan dan menggembleng ekosistem perniagaan millennial.

Dalam perspektif mudah, infrastruktur yang dimajukan menerusi NFCP itu nanti akan menjadi gelanggang utama bagi menggalakkan penyertaan usahawan digital dan rakyat, supaya terbabit secara langsung dengan ekosistem ekonomi dalam talian. Kerajaan akan memanfaatkan infrastruktur digital ekonomi ini dengan mewujudkan lebih ramai usahawan digital. Ini dapat dilakukan menerusi pemberian insentif serta menambah baik sistem kutipan cukai untuk platform digital.

Bagaimana Mekanisme Kutipan Cukai

Sumbangan ED kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah 18.5% pada tahun 2018 dan dijangka melebihi 21% pada tahun 2022 (Bernama TV, 30 Disember 2019). Memandangkan sumbangan kepada KDNK ini agak besar, suatu mekanisme kutipan cukai yang mampan boleh diperkenalkan seperti yang dicadangkan Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA) iaitu dengan mengenakan cukai digital terus kepada sumber mengikut transaksi. Ini bermakna bagi setiap transaksi jual beli dalam talian, kerajaan akan 'siap-siap' mengutip cukai pada kadar yang tidak terlalu tinggi. Apabila penjual digital mengisytiharkan cukai pendapatan, mereka boleh menolak cukai yang sudah dibayar sebelum transaksi dan membuat tuntutan mendapatkan lebihan bayaran cukai jika perlu.

Walau bagaimanapun, sistem percukaian pintar yang lebih efektif ini hanya boleh dilaksanakan menerusi kemajuan teknologi AI yang kini diguna pakai oleh sistem perbankan secara menyeluruh. Sebagai langkah permulaan bagi menggalakkan para usahawan dalam talian berdaftar dalam pusat data Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), kadar cukai dikenakan seharusnya tidak terlalu tinggi dan membebankan. Negara kini kehilangan cukai dengan anggaran sebanyak RM25 bilion hingga RM30 bilion nilai cukai yang sepatutnya dikutip, tetapi tidak dapat dipungut kesan daripada aktiviti ED ini. Usahawan dalam talian yang tidak atau enggan mendaftar dengan LHDNM ini dalam bahasa mudahnya entiti pelarian cukai (termasuk cukai individu), menjalankan perniagaan dalam aktiviti ekonomi bayangan.

Definisi Ekonomi Digital

Namun, definisi sebenar dan saiz ED masih samar-samar. Sebelum memperbaiki sistem cukai sedia ada yang akan diperluaskan kepada ED dan mengg alakkan rakyat membayar cukai sejajar prinsip percukaian negara, pihak pentadbir cukai perlu memahami definisi ED terlebih dahulu. Melalui artikel bertajuk *Defining, Cenceptualising and Measuring the Digital Economy* yang ditulis oleh Rumana Bukht dan Richard Heeks menyingkap definisi ED. Evolusi definisi merentas masa telah diringkaskan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Evolusi Definisi Dan Konsep Ekonomi Digital.

SOURCE	*DEFINITION*	*FOCUS*
Tapscott 1996: The Digital Economy: Promise and Peril in the Age of Networked Intelligence	*No direct definition but called it the "Age of Networked Intelligence" where it is "not only about the networking of technology… smart machines… but about the networking of humans through technology" that "combine intelligence, knowledge, and creativity for breakthroughs in the creation of wealth and social development".*	*Said to have first coined the term "digital economy". Emphasised that the digital economy explains the relationship between the new economy, new business and new technology, and how they enable one another.*
Lane 1999: Advancing the Digital Economy into the 21st Century (Assistant to the US President for Science and Technology)	*"…the convergence of computing and communication technologies in the Internet and the resulting flow of information and technology that is stimulating all of electronic commerce and vast organisational changes".*	*Focused on e-commerce and the wider ramifications of the digital economy around issues such as privacy, innovation, standards, and the digital divide.*
Margherio et al. 1999: The Emerging Digital Economy (US Commerce Department)	*No explicit definition but identified four drivers: "Building out the Internet ... Electronic commerce among businesses ... Digital delivery of goods and services ... Retail sale of tangible goods".*	*First clear segmentation of the digital economy. Emphasised foundations of digital economy more than economy itself.*
Brynjolfsson & Kahin 2000b: Understanding the Digital Economy: Data, Tools, and Research	*"...the recent and still largely unrealized transformation of all sectors of the economy by the computer-enabled digitization of information".*	*Emphasised understanding the digital economy from various angles: macroeconomics, competition, labour, organisational change.*

Kling & Lamb 2000: In Brynjolfsson & Kahin 2000a	*"...includes goods or services whose development, production, sale, or provision is critically dependent upon digital technologies".*	*Segmented the digital economy into four parts: "Highly digital goods and services .....Mixed digital goods and services ... IT-intensive services of goods production" and the IT industry.*
Mesenbourg 2001: Measuring the Digital Economy (US Bureau of the Census)	*Defined the digital economy as "having three primary components":* ● *"E-business infrastructure is the share of total economic infrastructure used to support electronic business processes and conduct electronic commerce"* ● *"Electronic business (e-business) is any process that a business organization conducts over computer-mediated networks"* ● *"Electronic commerce (e-commerce) is the value of goods and services sold over computer-mediated networks".*	*Focused on how to measure the emerging phenomena of e-business and e-commerce.*
Economist Intelligence Unit 2010: Digital Economy Rankings 2010	*No explicit definition but ranking of digital economy is based on: "The quality of a country's ICT infrastructure and the ability of its consumers, businesses and governments to use ICT to their benefit".*	*Emphasis on the foundations for a digital economy rather than the digital economy itself with measures of: connectivity and technology infrastructure, business environment, social and cultural environment, legal environment, government policy and vision, and consumer and business adoption.*
OECD 2013: The Digital Economy	*"The digital economy enables and executes the trade of goods and services through electronic commerce on the Internet".*	*Main content relates to competition and regulation in digital markets, with additional discussion of network effects, interoperability, and open vs. closed platforms.*
European Commission 2013: Expert Group on Taxation of the Digital Economy	*"...an economy based on digital technologies (sometimes called the internet economy)".*	*Identifies characteristics of digital economy companies:* • *innovation through new sources of finance (venture capital)* • *importance of intangible assets* • *new business models based on network effects* • *cross-border e-commerce*
British Computer Society 2014: The Digital Economy	*"The digital economy refers to an economy based on digital technologies, although we increasingly perceive this as conducting business through markets based on the internet and the World Wide Web".*	*Key digital economy issues seen as innovation, rights, cyber-security and digital literacy.*
European Parliament 2015: Challenges for Competition Policy in a Digital Economy	*"A complex structure of several levels/layers connected with each other by an almost endless and always growing number of nodes. Platforms are stacked on each other allowing for multiple routes to reach end-users and making it difficult to exclude certain players, i.e. competitors".*	*Focus on competition and regulation of the digital economy.*
House of Commons 2016: The Digital Economy	*"The digital economy refers to both the digital access of goods and services, and the use of digital technology to help businesses".*	*Focus on policies for regulation and support of the digital economy.*
G20 DETF 2016: G20 Digital Development and Cooperation Initiative	*"...a broad range of economic activities that include using digitized information and knowledge as the key factor of production, modern information networks as an important activity space, and the effective use of information and information and communication technology (ICT) as an important driver of productivity growth and economic structural optimization".*	*Emphasis on networked and intelligent ICTs that enable economic activities. Focus on policy, including cross-national policy, priorities for the digital economy.*
Elmasry et al. 2016: Digital Middle East: Transforming the Region into a Leading Digital Economy (Digital McKinsey)	*No explicit definition: "less as a concept and more as a way of doing things", but with three attributes: "creating value at the new frontiers of the business world, optimizing the processes that execute a vision of customer experiences, and building foundational capabilities that support the entire structure".*	*Covers measurement of digitisation, under-performance of the region, and strategies for government and business to accelerate progress towards a digital economy.*
Bahl 2016: The Work Ahead: The Future of Businesses and Jobs in Asia Pacific's Digital Economy (Cognizant)	*No explicit definition; instead differentiation between "doing" and "being" digital (see also Asen & Blechschmidt 2016).*	*Focus on business value and profitability with advice to move from doing to being digital: "Businesses need to inject digital into the very core of what they do and how they interact and transact with customers, partners and employees. This means digitizing processes to super- charge profitability."*
Knickrehm et al. 2016: Digital Disruption (Accenture)	*"The digital economy is the share of total economic output derived from a number of broad "digital" inputs. These digital inputs include digital skills, digital equipment (hardware, software and communications equipment) and the intermediate digital goods and services used in production. Such broad measures reflect the foundations of the digital economy".*	*Covers how to improve micro- and macro-economic growth through better use of digital economy foundations.*
Rouse 2016: Digital Economy	*"The digital economy is the worldwide network of economic activities enabled by information and communication technologies (ICT). It can also be defined more simply as an economy based on digital technologies".*	*Brief review of definitions.*
Dahlman et al. 2016: Harnessing the Digital Economy for Developing Countries (OECD)	*"The digital economy is the amalgamation of several general purpose technologies (GPTs) and the range of economic and social activities carried out by people over the Internet and related technologies. It encompasses the physical infrastructure that digital technologies are based on (broadband lines, routers), the devices that are used for access (computers, smartphones), the applications they power (Google, Salesforce) and the functionality they provide (IoT, data analytics, cloud computing)".*	*Emphasises the potential of digital economies to deliver inclusive and sustainable growth, but only if key enablers are put in place.*
OUP 2017: Digital Economy	*"An economy which functions primarily by means of digital technology, especially electronic transactions made using the Internet".*	*Definition only.*

Rajah 1: Skop Ekonomi Digital



Sumber: Illustrasi pengarang artikel.

Kesimpulan

Tiada definisi yang spesifik bagi ED tetapi ia mengikut perkembangan teknologi semasa. Ia bermula khusus dengan penggunaan internet kemudian ke teknologi baharu seperti rangkaian mudah alih dan sensor, *cloud computering* dan *big data* seterusnya didefinisi sebagai teknologi digital. Paling mudah untuk memahami ED ialah "ekonomi berdasarkan teknologi digital" (EC, 2013) atau lebih umum iaitu "teknologi digital" dikaitkan dengan kemunculan internet yang menjadi asas bagi pertumbuhan ED.

Rujukan :

Bahl, M., 2016. *The Work Ahead: The Future of Businesses and Jobs in Asia Pacific's Digital Economy,* Cognizant, Chennai. https://www.cognizant.com/whitepapers/the-work-ahead-the-future-of-business-and-jobs-in-asia-pacifics-digital-economy-codex2255.pdf

British Computer Society, 2014. *The Digital Economy, British Computer Society,* London. https://policy.bcs.org/sites/policy.bcs.org/files/digital%20economy%20Final%20version_0.pdf

Brynjolfsson, E. & Kahin, B. 2000b. *Introduction, in Understanding the Digital Economy,* E. Brynjolfsson & B. Kahin (eds), MIT Press, Cambridge, MA, 1-10.

Dahlman, C., Mealy, S. & Wermelinger, M., 2016. *Harnessing the Digital Economy for Developing Countries,* OECD, Paris. http://www.oecd-ilibrary.org/docserver/download/4adffb24-en.pdf

DBCDE, 2013. *Advancing Australia as a Digital Economy: An Update to the National Digital Economy Strategy,* Department of Broadband, Communications and the Digital Economy, Canberra. http://apo.org.au/node/34523

Deloitte, n.d. What is Digital Economy?, Deloitte, New York, NY. https://www2.deloitte.com/mt/en/pages/technology/articles/mt-what-is-digital-economy.html

EC, 2013. *Expert Group on Taxation of the Digital Economy,* European Commission, Brussels. http://ec.europa.eu/taxation_customs/sites/taxation/files/resources/documents/taxation/gen_info/good_governance_matters/digital/general_issues.pdf

Economist Intelligence Unit, 2010. *Digital Economy Rankings 2010 Beyond E-Readiness,* Economist Intelligence Unit, London. http://graphics.eiu.com/upload/EIU_Digital_economy_rankings_2010_FINAL_WEB.pdf

Elmasry, T. et al., 2016. *Digital Middle East: Transforming the Region into a Leading Digital Economy,* McKinsey & Company, New York, NY. http://www.mckinsey.com/global-themes/middle-east-and-africa/digital-middle-east-transforming-the-region-into-a-leading-digital-economy

European Parliament, 2015. *Challenges for Competition Policy in a Digitalised Economy,* European Parliament, Brussels. http://www.europarl.europa.eu/RegData/etudes/STUD/2015/542235/IPOL_STU(2015)542235_EN.pdf

G20 DETF, 2016. *G20 Digital Economy Development and Cooperation Initiative,* House of Commons, 2016. The Digital Economy, House of Commons Business, Innovation and Skills Committee, London. https://www.publications.parliament.uk/pa/cm201617/cmselect/cmbis/87/87.pdf

Kling, R. & Lamb, R. 2000. *IT and organizational change in digital economies, in Understanding the Digital Economy,* E. Brynjolfsson & B. Kahin (eds), MIT Press, Cambridge, MA, 295-324. Manchester Centre for Development Informatics Working Paper 68.

Knickrehm, M., Berthon, B. & Daugherty, P., 2016. *Digital Disruption: The Growth Multiplier, Accenture,* Dublin. https://www.accenture.com/_acnmedia/PDF-4/Accenture-Strategy-Digital-Disruption-Growth-Multiplier.pdf

Lane, N., 1999. *Advancing the digital economy into the 21st century,* Information Systems Frontiers, 1(3), 317-320.

Margherio, L. et al., 1999. *The Emerging Digital Economy,* Department of Commerce, Washington, DC. http://www.esa.doc.gov/sites/default/files/emergingdig_0.pdf

Mesenbourg, T.L., 2001. *Measuring the Digital Economy,* US Bureau of the Census, Suitland, MD. https://www.census.gov/content/dam/Census/library/working-papers/2001/econ/umdigital.pdf

OECD, 2013. *The Digital Economy,* OECD, Paris. http://www.oecd.org/daf/competition/The-Digital-Economy-2012.pdf

OUP 2017. *Digital Economy,* Oxford Dictionary, Oxford University Press, Oxford, UK. https://en.oxforddictionaries.com/definition/digital_economy

Rouse, M. 2016. *Digital Economy,* Techtarget, Newton, MA. http://searchcio.techtarget.com/definition/digital-economy

Tapscott, D., 1996. *The Digital Economy: Promise and Peril in the Age of Networked Intelligence,* McGraw-Hill, New York, NY.

WEF, 2015. *Expanding Participation and Boosting Growth: The Infrastructure Needs of the Digital Economy,* World Economic Forum, Geneva. www3.weforum.org/docs/WEFUSA_DigitalInfrastructure_Report2015.pdf

HASRAT STRATEGIK LHDNM 2021-2025
01 VISI
PENTADBIR CUKAI TERUNGGUL
02 MISI
Memaksimumkan pematuhan sukarela
Memberikan perkhidmatan terbaik
Mengoptimumkan operasi organisasi
Mengekalkan tahap kompetensi tertinggi
OBJEKTIF STRATEGIK
TERAS STRATEGIK 1
PEMATUHAN CUKAI SECARA SUKARELA
Tahap Kesedaran Pematuhan Sukarela Yang Tinggi
Penjanaan Hasil Negara Di Tahap Optimum
Pentadbiran Perundangan Percukaian Berteraskan Prinsip Kedaulatan Undang-Undang
Perluasan Jaringan Percukaian
TERAS STRATEGIK 2
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERORIENTASI PELANGGAN
Penyampaian Perkhidmatan Berkualiti
Reputasi Dan Imej Korporat Cemerlang
Pemantapan Sistem Tadbir Urus Dan Kawalan Dalaman
Pembudayaan Pengurusan Risiko Dan Integriti
TERAS STRATEGIK 3
SISTEM DAN PROSES KERJA EFEKTIF DAN EFISIEN
Pemodenan Sistem Aplikasi Dan Infrastruktur ICT
Pengurusan Kos Yang Cekap Dan Berkesan
Perekayasaan Proses Dan Prosedur Kerja
Pelaksanaan Amalan Hijau Mampan
TERAS STRATEGIK 4
PENGURUSAN ORGANISASI DINAMIK DAN BERPRESTASI TINGGI
Hasilan Kompeten Dan Profesional
Persekitaran Kerja Kondusif Dan Selamat
Kelestarian Kepimpinan Dan Kepakaran
Organisasi Dinamik
5 NILAI TERAS
Sentiasa Ceria
Semangat Kerja Berpasukan
Profesionalisme
Integriti
Cemerlang

JADUAL CP500

Skim ansuran anggaran cukai pendapatan yang dikeluarkan kepada individu yang mempunyai pendapatan selain penggajian di bawah seksyen 107B, Akta Cukai Pendapatan 1967.

01
APA ITU CP500?

Individu yang mempunyai sumber pendapatan selain daripada penggajian seperti perniagaan, sewa dan royalti akan menerima amaun ansuran yang dianggarkan oleh LHDNM yang dihantar pada setiap awal tahun mengunakan jadual ansuran CP500. Pembayar cukai ini dikehendaki membuat bayaran ansuran setiap dua bulan sekali sehingga enam kali ansuran mulai daripada bulan Mac setiap tahun.

02
KENAPA TERIMA CP500?

Pembayar cukai dikehendaki membuat bayaran mengikut tarikh dan jumlah bayaran ansuran seperti yang ditetapkan di dalam notis CP500 tersebut.

03
BILA PERLU BAYAR CP500?

Pembayar cukai digalakkan untuk membuat bayaran melalui perkhidmatan ByrHASiL - Sistem Bayaran Cukai Pendapatan LHDNM **(https://byrhasil.hasil.gov.my/)** yang lebih cepat, mudah dan selamat. Kaedah pembayaran lain boleh didapati daripada Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my > Individu > Pembayaran.

04
DI MANA BAYAR CP500?

Rayuan boleh dihantar menggunakan Borang CP502 yang dilampirkan bersama-sama notis CP500. Permohonan pindaan bayaran ansuran ini hendaklah dibuat tidak lewat dari 30 Jun bagi tahun yang berkenaan. Sila hantar permohonan rayuan berserta Borang CP502 ke cawangan LHDNM di mana fail cukai pendapatan dikendalikan.

05
BAGAIMANA RAYUAN CP500 BOLEH DIBUAT?

PENYIMPANAN
REKOD PERNIAGAAN

Semua individu yang menjalankan perniagaan adalah bertanggungjawab untuk menyimpan rekod perniagaan yang lengkap, betul, teratur dan secukupnya bagi membolehkan untung / rugi perniagaan ditentukan sebagai mana termaktub di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967).

01.
Siapakah individu yang dikehendaki menyimpan rekod?

- Pemilik perniagaan tunggal
- Setiap ahli kongsi perniagaan perkongsian

02.
Kenapakah perlu menyimpan rekod?

- Memudahkan penyediaan akaun perniagaan
- Membantu dan memantau perkembangan perniagaan
- Memudahkan anda mengisi Borang Cukai Pendapatan
- Sebagai dokumen sokongan dalam urusan lain
- Membantu semakan jika dilawati pasukan audit LHDNM

03.
Apakah tindakan yang perlu untuk menyimpan rekod?

- Mewujudkan satu set buku akaun
- Mewujudkan rekod-rekod yang mencukupi untuk semua transaksi perniagaan
- Mengemaskini rekod sepanjang tahun
- Menyimpan rekod sepanjang tempoh masa yang diperlukan

04.
Apakah dokumen sokongan yang perlu disimpan?

- Resit/Invois jualan dan belian
- Bil-bil tunai
- Penyata bank
- Baucer bayaran
- Salinan slip bayaran masuk *(Bank-in Slip)*
- Pangkal cek *(cheque butt)*
- Dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan perniagaan

* Semua transaksi perniagaan yang tiada dokumen juga perlu dicatatkan dan direkodkan - contoh: ambilan tunai / stok.

05.
Berapa lama rekod perlu disimpan?

Semua rekod, dokumen dan buku akaun perlu disimpan sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun dari akhir tahun semasa borang nyata (Borang B) itu dikemukakan.

06.
Bilakah anda dikehendaki melapor pendapatan?

- Bagi mereka yang mempunyai pendapatan ***dari sumber selain pendapatan perniagaan*** pada tahun semasa perlu melaporkan sebelum atau pada ***30 April tahun berikutnya.***
- Bagi mereka yang mempunyai pendapatan dari ***sumber perniagaan*** pada tahun semasa perlu melaporkan sebelum atau pada ***30 Jun tahun berikutnya.***
- Dan jika individu tersebut mempunyai pendapatan dari kedua-dua sumber (pengajian dan perniagaan) dan tahun semasa, maka perlu melaporkan sebelum atau pada ***30 Jun tahun berikutnya.***

07.
Apakah akibat jika gagal menyimpan rekod?

- Seseorang individu atau rakan kongsi yang menjalankan perniagaan boleh didakwa atas kegagalan menyimpan rekod. Jika disabitkan kesalahan, denda tidak kurang daripada RM300 dan tidak lebih daripada RM10,000 atau hukuman penjara tidak melebihi tempoh satu tahun atau kedua-dua-nya sekali dikenakan.
- Individu atau perkongsian mungkin dikehendaki oleh Ketua Pengarah supaya akaunnya diaudit oleh akauntan bertauliah atas tanggungan individu atau perkongsian itu.
- Pendapatan bercukai individu berkenaan boleh ditentukan mengikut pertimbangan Ketua Pengarah dan taksiran dibangkitkan sewajarnya.



PERDANA MENTERI
MALAYSIA

YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Bin Samitah
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
Malaysia Menara Hasil Aras 13
Persiaran Rimba Permai Cyber 8
63000 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN

YBhg. Dato' Sri Dr.,

UCAPAN PENGHARGAAN BAGI SUMBANGAN UNTUK TABUNG BANTUAN BENCANA NEGARA DALAM MENANGANI WABAK COVID-19

Dengan penuh hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita saya mewakili Kerajaan Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan ikhlas daripada pihak YBhg. Dato' Sri Dr. berjumlah **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lapan Puluh Tiga Ribu Tiga Ratus Lima Puluh (RM383,350.00)** untuk Tabung Bantuan Bencana Negara dalam usaha menangani isu *COVID-19*.

3. Saya percaya niat dan usaha murni tersebut akan terus diberkati dan semoga menjadi pemangkin kepada orang ramai untuk terus menyumbang atas dasar cinta kepada Negara. Dengan kerjasama dan usaha bersepadu semua pihak, saya yakin kita akan berjaya mengharungi krisis ini dan kembali memakmurkan Negara untuk kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat,

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN

Ucapan Penghargaan

Bagi Sumbangan Untuk Tabung Bantuan Bencana Negara Dalam Menangani Wabak COVID-19

Daripada
YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin
Perdana Menteri Malaysia

LANGKAH KESEDARAN CUKAI DIPERKASAKAN

Oleh: **Junaidatul Al-Fatiah binti Elias**

Saban tahun, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada pembayar cukai seiring dengan peredaran masa dan kepantasan capaian teknologi. Proses penambahbaikan diadakan secara berterusan dalam memastikan hebahan dan perkongsian maklumat disampaikan dengan lebih berkesan kepada pembayar cukai selain meningkatkan pemahaman serta pengetahuan mereka terhadap aspek percukaian. Langkah 'memanipulasikan' teknologi dilaksanakan seoptimum mungkin demi memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat kini yang cenderung ke arah perhubungan tanpa wayar dalam kehidupan seharian mereka.

Dunia digemparkan dengan penularan pandemik Covid-19 dan Malaysia turut tidak terkecuali apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan mulai 18 Mac 2020. Selain membawa impak yang besar terhadap norma kehidupan seharian, peristiwa ini turut dilihat sebagai desakan kepada perubahan cara kerja secara drastik. Namun begitu, LHDNM telah bersedia dengan pelaksanaan bekerja dari rumah *(Work-From-Home)* yang melibatkan lebih ramai pegawai. Persediaan dari segi fasiliti dan keperluan sistem turut ditambah kepada pengguna yang lebih ramai bagi membantu pegawai menyelesaikan tugasan mereka sepanjang perintah tersebut dikuatkuasakan.

Dalam pada itu, sebagai sebuah agensi seliaan Kementerian Kewangan Malaysia, LHDNM telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan bantuan kewangan kepada rakyat di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Satu jawatankuasa telah dibentuk yang bertindak sebagai perantara dalam menyalurkan maklumat yang diterima kepada pegawai LHDNM yang bertugas sepanjang tempoh PKP dan memastikan semua permasalahan serta maklum balas yang diterima berkaitan bantuan tersebut diselesaikan dalam kadar segera.

Menyedari kekangan yang dihadapi oleh pembayar cukai, LHDNM memperkasakan aktiviti serta program yang melibatkan kesedaran serta pendidikan cukai dengan mempergiatkan perkongsian secara maya melalui portal rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my. Semua maklum balas kepada soalan yang lazim ditanyakan sama ada oleh pembayar cukai mahupun pemohon bantuan kerajaan di bawah PRIHATIN disediakan melalui FAQs Perintah Kawalan Pergerakan & Pakej Rangsangan Ekonomi di bawah ruangan Pautan Pantas.

Rajah 1 : *Soalan Lazim Dan Perkongsian Maklumat Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Dikuatkuasakan*

Selain daripada itu, Eduzone juga menjadi antara sumber yang menjadi rujukan pengguna bagi mendapatkan bahan-bahan yang digunakan berkaitan hebahan terkini aktiviti kesedaran dan pendidikan percukaian. Perkongsian tersebut turut melibatkan bahan publisiti yang dipaparkan di media massa dan sosial.

Rajah 2 : *Paparan Eduzone Daripada Portal Rasmi LHDNM*

Inisiatif terkini yang turut dilaksanakan oleh LHDNM adalah seminar dan taklimat yang diadakan secara maya seiring dengan keperluan masa kini. Program yang lebih dikenali dengan istilah webinar ini menerima maklum balas positif daripada pengguna sama ada dianjurkan oleh LHDNM atau agensi-agensi lain selain membolehkan lebih ramai peserta menyertai sesi sebegini dalam satu-satu masa. Antara agensi yang telah bekerjasama dengan LHDNM dalam penganjuran webinar adalah *Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM), East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)* dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

Rajah 3 : *National Tax Conference (NTC) 2020*

Rajah 4: *Webinar: Sesi Perkongsian* Online *Bersama LHDNM – Geran Khas Prihatin (GKP) Oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)*

Rajah 5: *Webinar: Cakna Cukai "Sek Kito Oghe Nego Bijok" Anjuran Bersama LHDNM dan ECEDRC (Pantai Timur)*

Rajah 6: *Hebahan Seminar Percukaian Kebangsaan 2020 pada November 2020*

Seiring dengan perkembangan teknologi terkini dan situasi semasa negara dalam mengasimilasikan kehidupan dengan norma baharu, langkah ini diihat amat bertepatan dan wajar diteruskan pada masa akan datang bagi memanfaatkan lebih ramai pengguna, terutamanya pembayar cukai yang sentiasa menjadi keutamaan LHDNM.

You've Got Email from LHDNM! – AKTIVITI EMAIL BLAST OLEH LHDNM

Oleh: **Junaidatul Al-Fatiah binti Elias**

Penggunaan media sosial dan saluran digital terkini dilihat sebagai medium yang amat berkesan, pantas dan mudah dalam penyampaian maklumat kepada masyarakat. Pengguna saluran ini terdiri daripada pelbagai demografik dan latar belakang. Sudah pasti, saluran sebegini akan memberikan impak yang besar dan meluas dalam usaha untuk menyebarkan maklumat secara berterusan kepada pengguna.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah mengambil peluang ini dengan membuat pelbagai hebahan kempen dan program LHDNM menerusi aktiviti *e-mail blast* kepada pembayar cukai. Program yang telah dimulakan seawal tahun 2013 ini menyasarkan pelbagai kategori pembayar cukai mengikut kumpulan sasaran sesuatu kempen diadakan. Jika dibandingkan dengan cara konvensional dalam penyaluran makluman iaitu melalui surat menyurat, email blast melalui alamat emel **noreply_contactcentre@hasil.gov.my** dilihat sebagai kaedah yang lebih efektif dan pantas bagi memastikan maklumat tersebut diterima secara terus mengikut maklumat perhubungan yang ada dalam rekod organisasi.

Selain daripada hebahan program semasa LHDNM, penghantaran e-kad ucapan juga telah dilaksanakan sebagai menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pembayar cukai yang komited dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Antara program hebahan yang mendapat perhatian masyarakat ialah e-kad ucapan selamat hari lahir dan keraian umum. Seawal pengenalannya, ramai penerima e-kad tersebut menzahirkan rasa teruja dan gembira mereka kerana tidak pernah menyangka ingatan mesra tersebut diterima daripada sebuah agensi kerajaan. Menggunakan pendekatan mesra melalui slogan ***"Your Feel Good Partner",*** inisiatif ini diambil bagi menunjukkan rasa kebersamaan LHDNM dengan rakyat di samping memupuk semangat cintakan tanah air melalui sumbangan cukai yang dibuat.

Seharusnya langkah sebegini dijalankan dengan lebih meluas bagi memastikan pembayar cukai yang juga merupakan pelanggan utama LHDNM menerima perkhidmatan terbaik dan berkesan. Dalam masa yang sama, ia diharap akan menerbitkan rasa akauntabiliti yang tinggi dalam kalangan masyarakat bagi memenuhi tanggungjawab mereka sebagai pembayar cukai untuk menyumbang kepada negara.

01 – Ucapan Selamat Tahun Baru

Kumpulan sasaran
Pembayar cukai yang telah membuat penghantaran Borang Nyata (BN) dalam tahun semasa

Tujuan Kempen
Menghargai pembayar cukai yang telah menyumbang kepada pembangunan negara

02 – Ucapan Selamat Hari Lahir

Kumpulan sasaran
Mempunyai fail cukai pendapatan dan status fail adalah aktif

Bagi peringkat awal, e-kad dihantar kepada warganegara Malaysia

Tujuan Kempen
Bagi menghargai dan menunjukkan bahawa LHDNM mengingati hari lahir pembayar cukai

03 – Ucapan Hari Kebangsaan

Kumpulan sasaran
Pembayar cukai yang telah membuat penghantaran BN dalam tahun semasa

Tujuan Kempen
Memperingati bulan kemerdekaan dan memupuk semangat patriotik dalam kalangan pembayar cukai

04 – Pemakluman tarikh akhir pengemukaan BN

Kumpulan sasaran
Pembayar cukai yang lewat atau gagal mengemukakan BN pada tahun sebelum

Tujuan Kempen
Untuk memastikan pembayar cukai tidak lewat mengemukakan BN

Bagi pembayar cukai yang gagal mengemukakan BN, mereka akan mendapat maklumat berkenaan tanggungjawab mengemukakan BN

05 – Pengemukaan BN secara eFiling

Kumpulan sasaran
Pembayar cukai yang mengemukakan BN secara manual pada tahun sebelum

Tujuan Kempen
Memberikan kesedaran kepada pembayar cukai berkenaan kemudahan penghantaran borang secara eFiling

Mengurangkan penggunaan kertas ke arah kempen *go-green*

06 – Tanggungjawab pembayar cukai baharu

Kumpulan sasaran
Pembayar cukai yang mendaftar fail cukai pendapatan dalam tahun semasa

Tujuan Kempen
Memberikan input berkaitan tanggungjawab sebagai pembayar cukai dan apa yang perlu dilakukan setelah mendaftar fail cukai pendapatan

07 – Hebahan Seminar yang diadakan oleh LHDNM

Kumpulan sasaran
Pembayar cukai dan ejen cukai yang berdaftar mengikut kawasan taklimat yang akan diadakan

Tujuan Kempen
Menyebar luas maklumat berkaitan seminar yang akan diadakan

08 – Pengemukaan BN secara eFiling

Kumpulan sasaran
Pembayar cukai yang telah log masuk ke dalam e-borang tetapi masih belum membuat penghantaran borang tersebut

Tujuan Kempen
Memaklumkan kepada pembayar cukai yang mereka perlu melengkapkan penghantaran borang secara e-Filing

Memastikan borang dihantar sebelum tarikh akhir pengemukaan.

09 – Tatacara dan prosedur Surat Penyelesaian Cukai (SPC) syarikat

Kumpulan sasaran
Wakil pembayar cukai syarikat

Tujuan Kempen
Memaklumkan berkenaan garis panduan yang telah dikeluarkan berkenaan permohonan SPC

WASPADA DENGAN KEGIATAN SCAMMER

Oleh: **Junaidatul Al-Fatiah binti Elias**

Semakin berani dan agresif!

Demikianlah yang dapat digambarkan daripada kegiatan penipuan secara dalam talian yang dijalankan oleh sindiket penipuan yang dilihat semakin berleluasa. Saban hari, pelbagai kes penipuan dilaporkan kepada pihak berkuasa oleh mangsa yang terpedaya dengan 'pujukan dan ugutan' yang akhirnya menjurus kepada kehilangan sejumlah wang yang bukan sedikit amaunnya. Hal ini diburukkan lagi apabila mangsa turut terkesan dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu, terutamanya semasa negara masih lagi dalam fasa pemulihan akibat pandemik Covid-19 yang belum berakhir.

Lebih mengejutkan, sindiket jahat ini dilihat sengaja mencabar kedaulatan undang-undang negara dengan mengaitkan agensi kerajaan termasuklah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dalam menguatkan 'dakwaan' mereka terhadap mangsa. Terkini, satu sindiket penipuan telah memperdaya orang ramai untuk menjelaskan bayaran tertunggak Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) melalui surat palsu yang menggunakan nama dan logo LHDNM.

Hasil modus operandi kegiatan ini hampir sama antara satu sama lain. Aktiviti haram yang turut dikenali sebagai Macau Scam ini akan memperdayakan mangsa dengan menyamar sebagai pegawai LHDNM dan panggilan dibuat adalah bagi menuntut cukai tertunggak daripada mangsa. Sekiranya mangsa membantah, penipu ini akan mula menggunakan kekerasan dengan mengeluarkan ugutan penguatkuasaan undang-undang terhadap mangsa. Panggilan yang kononnya dirakam itu kemudiannya akan disambungkan kepada 'Inspektor', 'pegawai mahkamah', malah ke talian 'Bank Negara' bagi membuktikan kesahihan amaun tuntutan tersebut.

Seandainya mangsa telah mula gugup dan panik, bermula daripada peringkat inilah kaedah penipuan mereka akan menjadi lebih agresif dan mendesak sehingga menyebabkan mangsa berjaya dikelirukan. Jika tidak bernasib baik, maka mangsa bakal berputih mata dan tinggal sehelai sepinggang akibat tabungan yang disimpan sejak sekian lama, hangus begitu sahaja.

LHDNM dalam pada itu menyarankan semua lapisan masyarakat agar berhati-hati dalam memberikan maklumat peribadi kepada pihak ketiga, terutamanya jika melibatkan sebarang transaksi kewangan. Kenyataan media turut dikeluarkan dari masa ke masa dalam memberikan maklumat yang tepat kepada pembayar cukai yang juga merupakan pelanggan utama LHDNM agar tidak terjebak dalam perangkap sindiket ini. Sebarang urusan percukaian sebaiknya dirujuk melalui pelantar rasmi LHDNM untuk pengesahan lanjut iaitu :

a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-89111100 (Luar Negara),
b) HASiL Live Chat;
c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas : https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/; atau
d) Hadir ke cawangan LHDNM yang terdekat.

LHDN
MALAYSIA
JANGAN JADI
MANGSA
PENIPUAN KEWANGAN DAN PERCUKAIAN
JANGAN DEDAHKAN MAKLUMAT SULIT
kewangan dan percukaian kepada mereka yang diragui statusnya
JANGAN BERI MAKLUM BALAS
sekiranya menerima sebarang panggilan telefon, SMS, e-mel atau surat yang meragukan
DAPATKAN PENGESAHAN LHDNM
melalui borang maklum balas atau hubungi Hasil Care Line di 03-8911 1000
www.hasil.gov.my
facebook.com/LHDNM
@LHDNMofficial
ig/LHDNM

RANGKUMAN LAWATAN MENTERI KEWANGAN MALAYSIA KE LHDNM

Susunan : Junaidatul Al-Fatiah binti Elias

Sejajar dengan perubahan dalam senario pentadbiran negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebagai salah sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia menyambut baik dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz sebagai Menteri Kewangan Malaysia berkuat kuasa 10 Mac 2020. Berdasarkan latar belakang dalam bidang kewangan, pemilihan beliau dilihat amat bertepatan dalam membawa hala tuju ekonomi Malaysia ke arah lebih baik, terutamanya ketika dunia sedang bergelut dengan pelbagai permasalahan disebabkan pandemik Covid-19.

YB Menteri Kewangan telah memulakan lawatan kerja pertama beliau ke LHDNM sejak menyandang jawatan tersebut pada 1 April 2020 di Menara Hasil Cyberjaya. Beliau yang diiringi Timbalan Menteri Kewangan ll, Yang Berhormat Tuan Mohd Shahar Abdullah dan mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir, telah disambut oleh YBhg. Dato' Sri Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, YBhg. Datuk Mohd Nizom Sairi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) LHDNM dan barisan pegawai kanan LHDNM. YB Tengku Datuk Seri Zafrul dibawa melawat ke *Hasil Network Alert Center,* pusat kawalan operasi sistem IT utama LHDNM dan diberi taklimat berhubung pengoperasian LHDNM semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, terutamanya pengendalian serta pengurusan Bantuan Prihatin Nasional yang diumumkan pada 27 Mac 2020 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat 2020 (PRIHATIN).

Sesi lawatan kerja diteruskan walaupun pada cuti umum sempena Hari Pekerja pada 1 Mei 2020 apabila YB Menteri Kewangan hadir ke Menara Hasil Bangi bagi menyempurnakan pelancaran Geran Khas Prihatin (GKP) serta melawat Hasil Care Line dan Hasil Recovery Call Centre yang turut beroperasi semasa cuti umum tersebut. Turut mengiringi beliau dalam kunjungan tersebut adalah YBhg. Dato' Asri bin Hamidon @ Hamidin, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Dato' Sri Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, barisan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kewangan dan LHDNM. Selain daripada pelancaran GKP, satu sidang media berkaitan hebahan inisiatif dan bantuan kewangan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia turut diadakan dalam majlis yang sama.

Sebagai sebuah kementerian yang terlibat secara langsung dalam perkembangan ekonomi negara, Kementerian Kewangan Malaysia sentiasa prihatin dan bersikap proaktif dengan langkah-langkah yang dirasakan wajar diambil bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara dengan memberikan keutamaan kepada kebajikan rakyat. Sehubungan itu, YB Menteri Kewangan telah mempengerusikan satu sesi dialog bersama-sama LHDNM, Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) dan pengusaha-pengusaha industri pelancongan di Melaka pada 22 Julai 2020. Sesi di bawah program Focus Group Belanjawan 2021 bagi industri pelancongan itu diadakan di Bilik Persidangan Tun Teja, Menara Hasil Melaka bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan input daripada pemain industri bagi merangka Belanjawan 2021. Dalam kesempatan yang sama, YB Menteri Kewangan turut meluangkan masa melawat dan beramah mesra dengan Hasilian Cawangan Melaka.

YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah merasmikan Konvensyen Jabatan Siasatan kali ke-9 Tahun 2020 sambil disaksikan oleh YBhg. Dato' Abdul Manap bin Dim dan Encik Khairul Halimin bin Abdul Halim.

KONVENSYEN SIASATAN 2020

Oleh : **Jabatan Siasatan**

YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Bin Samitah menyampaikan ucaptama beliau pada Konvensyen Jabatan Siasatan kali ke-9 Tahun 2020.

Dengan bertemakan ***INSPIRING DIGITAL CREATIVITY IN TAX INVESTIGATION,*** Konvensyen Jabatan Siasatan kali ke-IX Tahun 2020 telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM. Konvensyen ini telah diadakan pada 09 dan 10 Mac 2020 bertempat di Hotel Thistle, Johor Bahru. Turut hadir sama dalam konvensyen ini adalah YBhg. Dato' Abdul Manap Bin Dim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan), YBrs. Encik Khairul Halimin bin Abdul Halim, Pengarah Jabatan Siasatan, Pengarah-pengarah Bahagian Jabatan Siasatan, Pengarah Bahagian Penyelarasan Negeri, Pengarah Cawangan Siasatan, pegawai-pegawai penyiasat dan tetamu jemputan.

Dianjurkan buat kali yang ke-9, konvensyen pada kali ini telah menjemput 3 penceramah bagi memberikan informasi berkaitan ekonomi digital yang semakin pesat membangun dan mahukan ia digunakan semaksima yang mungkin oleh pegawai penyiasat dalam menjalankan tugas-tugas siasatan. Dengan adanya pelbagai platform digital seumpama ini, pegawai penyiasat diharap dapat melaksanakan tindakan siasatan yang proaktif, efisyen dan produktif sekaligus mampu untuk mencapai sasaran yang lebih tinggi dari sebelum ini.

En. Hj Kamaruzaman B. Jahidin sedang menyampaikan salah satu ceramah bertajuk Revolusi Perindustrian Keempat.

YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Bin Samitah menyampaikan cenderahati kepada YBhg. Dato' Abdul Manap bin Dim pada majlis makan malam.

Pada konvensyen kali ini juga, satu majlis makan malam telah diadakan dengan bertemakan '*Color Blocking*' dan dikenali sebagai '*JS Nite*'. Bersempena dengan majlis makan malam ini adalah bagi memberikan penghargaan dan meraikan persaraan YBhg. Dato' Abdul Manap bin Dim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) serta 2 orang pengarah Cawangan Siasatan yang akan bersara pada tahun 2020. Di majlis makan malam ini juga, satu sesi penganugerahan dan pengiktirafan Jabatan Siasatan telah diberikan kepada beberapa Cawangan Siasatan dan pegawai penyiasat yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang sepanjang tahun 2019.

YBhg. Dato' Abdul Manap Bin Dim bersama beberapa Pengarah Cawangan Siasatan memotong kek pada majlis apresiasi sambil disaksikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Bin Samitah dan Encik Khairul Halimin Bin Abdul Halim.

YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Bin Samitah bergambar bersama-sama peserta Konvensyen Jabatan Siasatan kali ke-IX Tahun 2020.

Barisan Tetamu Kehormat, Ahli Panel dan Pengarah Jabatan

SIMPOSIUM PENYELIDIKAN PERCUKAIAN 2020

Oleh : **Jabatan Penyelidikan Percukaian**

Jabatan Penyelidikan Percukaian (JPP) buat julung kalinya telah menganjurkan Simposium Penyelidikan Percukaian (SPP) pada 26 Februari 2020 bertempat di Akademi Percukaian Malaysia (APM), Bangi. Penganjuran ini telah menuntut semangat kerjasama yang tinggi dari setiap lapisan pegawai di JPP di samping mengeratkan jalinan kerjasama antara Bahagian Komunikasi Korporat (BKOM), Jabatan Khidmat Korporat (JKK) dan APM.

Matlamat penganjuran SPP ialah bagi menggalakkan usaha sama dan perkongsian pengetahuan antara LHDNM dengan universiti, institusi penyelidikan dan pengamal akademik untuk terus menghasilkan kajian bermutu dalam bidang percukaian serta mendorong pegawai membudayakan ilmu bagi meningkatkan nilai diri.

Bagi edisi pertama penganjuran SPP ini, jemputan penyertaan dihadkan kepada 250 orang iaitu melibatkan pegawai LHDNM di sekitar Lembah Klang yang memiliki Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran (PhD), para pensyarah dan pelajar universiti termasuk barisan urus setia. Barisan pembentang kertas kajian pula terdiri daripada penyelidik, pensyarah dan pegawai LHDNM yang sedang atau telah menghabiskan pengajian di peringkat Sarjana atau PhD.

Sememangnya penganjuran SPP ini memiliki daya tarikan serta auranya yang tersendiri apabila menerima respon penyertaan yang amat luar biasa hasil daripada keberkesanan promosi serta kaedah pemasaran yang digunakan. Malah pelawaan terpaksa ditutup lebih awal memandangkan kapasiti tempat penganjuran yang terhad.

Penganjuran sulung ini diserikan lagi dengan kehadiran YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM bersama-sama YBhg. Datuk Noor Azian Abdul Hamid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar) dan Encik Mohammed Noor Ahmad, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan).

Selain itu, kehadiran tiga (3) individu yang berpengalaman dan tersohor dengan ilmu percukaian sebagai barisan panel dalam SPP turut menjadi tarikan dan secara total telah mengiktiraf platform penganjuran simposium ini iaitu:

- YBhg. Datuk Dr. Sotimin Muhalip - Pengarah Jabatan Operasi Percukaian, LHDNM
- YBhg. Dato' Dr Mustafa Mohd Hanefah - Professor, Universiti Sains Islam Malaysia
- Professor Emeritus Dr Barjoyai Bardai - Profesor Adjung dan Pengarah Global MBA Program, Universiti Tun Abdul Razak

Seramai sepuluh (10) orang barisan pembentang telah dijemput untuk membentangkan topik yang relevan dengan isu semasa percukaian. Topik yang telah dipilih dan dibentangkan adalah:

Bil	Maklumat Pembentang
1	**Pembentangan 1:** *The Shadow Economy in Malaysia, 1961-2018* Pembentang: Prof. Dr. Muzafar Shah Habibullah Institusi/ Agensi: Universiti Putra Malaysia
2	**Pembentangan 2:** *Effect of Corporate Social Responsibility on Corporate Lobbying Effectiveness: Evidence from Taxes Aggressiveness* Pembentang: Prof Dr. Law Siong Hook Institusi/ Agensi: Universiti Putra Malaysia
3	**Pembentangan 3:** *Factors Motivating Malaysian Taxpayer's Participation in Special Voluntary Disclosure Program: A Primary Survey* Pembentang: Dr. Rani Diana Othman Institusi/ Agensi: Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka.

4	**Pembentangan 4:** *An Action Research Methodology Into The Interpretation on Withholding Tax: In The Case of the Inland Revenue Board of Malaysia* Pembentang: Puan Hazlina Hussain Institusi/ Agensi: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
5	**Pembentangan 5:** *A Study on Malaysian Taxpayers Behaviour Towards Tax Evasion* Pembentang: Prof Madya Zuraeda Ibrahim Institusi/ Agensi: Universiti Teknologi MARA, Cawangan Shah Alam
6	**Pembentangan 6:** *Tax Morale of Online Business Owners: A Proposed Framework* Pembentang: Dr. Idawati Ibrahim Institusi/ Agensi: Universiti Utara Malaysia
7	**Pembentangan 7:** *Factors Influencing Tax Compliance Intention Among Sole Proprietors: A Proposed Model* Pembentang: Puan Razilina A. Razak Institusi/ Agensi: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
8	**Pembentangan 8:** *Tax Officers' Fraud Risk Judgment: A Behavioural Perspective* Pembentang: Puan Nurliyana Khalid Institusi/ Agensi: Universiti Teknologi MARA, Cawangan Shah Alam
9	**Pembentangan 9:** *Sole Proprietors Tax Reporting Behaviour: An Analysis of Theory of Planned Behaviour* Pembentang: Puan Teh Suhaila Tajuddin Institusi/ Agensi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
10	**Pembentangan 10:** *Determinants of Tax Agent's Readiness Towards the Acceptance of Tax Administration's Digitalisation in Malaysia* Pembentang: Puan Suzana Che Saruji Institusi/ Agensi: Universiti Teknologi MARA, Cawangan Shah Alam

Sesi pembentangan yang dibahagikan kepada dua sesi ini turut membuka ruang kepada peserta untuk berinteraksi dengan ahli panel melalui slot soal jawab. Bagi menghargai komitmen serta usaha para pembentang dan ahli panel dalam menjayakan SPP ini, pihak penganjur telah menyediakan sijil dan token penghargaan yang telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM.

SPP telah dilaksanakan dengan jayanya dan beberapa cadangan penambahbaikan turut dimajukan kepada semua urus setia yang terlibat. Semoga semua respon positif yang diterima ini menjadi pemangkin dan nadi penggerak kepada JPP untuk terus komited dan cemerlang dalam penganjuran SPP di masa hadapan.

Sesi Pendaftaran Peserta Simposium

Perasmian Simposium Penyelidikan Percukaian oleh KPE LHDNM

Penyerahan Sijil dan Cenderahati Kepada Ahli Panel

Gambar kumpulan bersama semua peserta Simposium Penyelidikan Percukaian

Atas: Pegawai LHDNM dan JIM menyeru rakyat Malaysia mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan wabak COVID-19

Kanan: Encik Hishamudin Bin Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat LHDNM memberikan sumbangan kepada Pengarah Imigresen KLIA, Tuan Meor Ismail Meor Akim

HASiLian PRIHATIN

Susunan : Junaidatul Al-Fatiah binti Elias

Seluruh dunia seakan berubah pola putarannya apabila dilanda pandemik Covid-19. Kesannya bukan sahaja dilihat dari aspek kesihatan global, malah turut membawa impak besar dalam pelbagai sudut, terutamanya sektor ekonomi. Berdasarkan laporan-laporan oleh media tempatan dan antarabangsa, kesan pandemik ini dijangka akan terus berlarutan sehingga dua tahun lamanya. Di Malaysia sendiri, ramai yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang terpaksa diambil oleh kerajaan dalam membendung penularan wabak tersebut. Namun begitu, pelbagai insentif telah diumumkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi membantu rakyat dalam menghadapi kemelut ini.

Atas rasa kebersamaan dan empati yang tinggi, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah melaksanakan beberapa Program Tanggungjawab Sosial (PSR) dan inisiatif dalaman sebagai tanda sokongan kepada petugas barisan hadapan serta golongan yang terkesan dengan keadaan semasa ini. Usaha murni ini diterjemahkan dengan sumbangan tunai berjumlah RM383,350.00 yang berjaya dikumpulkan daripada Hasilian dan Persatuan Kebajikan Islam LHDNM (PERKIS) untuk Tabung COVID-19 Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Sumbangan tersebut telah diserahkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM kepada YB Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) dalam satu majlis khas pada 9 April 2020 di Pejabat NADMA, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya. Turut hadir di majlis tersebut adalah YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Datin Mastura binti Tan Sri Mohd Yazid, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), YBhg. Dato' Mohtar bin Mohd Abd Rahman, Ketua Pengarah (NADMA) dan Encik Hishamudin Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat LHDNM.

Dalam pada itu, LHDNM juga telah menyerahkan sumbangan kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang bertugas dalam tempoh PKP di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Program yang dinamakan sebagai Program PSR Covid-19 ini telah disempurnakan oleh Encik Hishamudin Bin Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat LHDNM dalam satu majlis serahan barangan sumbangan berupa topeng muka, hand sanitiser serta sarung tangan untuk kegunaan harian pegawai-pegawai JIM kepada Pengarah Imigresen KLIA, Tuan Meor Ismail Meor Akim pada 2 April 2020.

Petugas media yang turut tersenarai sebagai petugas barisan hadapan negara juga tidak dilupakan. Agihan pek juadah berbuka puasa telah disumbangkan kepada 280 orang petugas media di sekitar Kuala Lumpur. Menurut Pengarah Bahagian Komunikasi Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Cik Ranjeet Kaur, program ini julung kali dilaksanakan oleh LHDNM dan pada kali ini tujuh agensi media telah dipilih untuk menerima pek makanan berbuka puasa ini. Agensi-agensi media tersebut ialah Radio Televisyen Malaysia (RTM), Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Astro Awani, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), New Straits Times Press (NSTP), Sinar Karangkraf Sdn. Bhd. dan Star Publications (Malaysia) Berhad (The Star).

Adalah diharapkan agar usaha ini dapat memberikan sokongan moral kepada petugas barisan hadapan dalam melaksanakan tugas mereka selain membantu melancarkan usaha kerajaan dalam penyediaan keperluan prasarana serta kelengkapan kritikal yang sewajarnya bagi kegunaan agensi-agensi yang terlibat.

YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM menyerahkan sumbangan Tabung COVID-19 NADMA kepada YB Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas).

Majlis Penyerahan Sumbangan COVID-19 di NADMA, Putrajaya.

MESYUARAT AGUNG EXEC KALI KE - 8

Oleh : **Nasir Hasan, Setiausaha Kehormat EXEC**

Persatuan Pegawai Eksekutif Hasil Dalam Negeri (EXEC) ditubuhkan secara rasmi pada 2008 bagi mewakili ahlinya yang terdiri daripada pegawai Eksekutif Hasil (E1) sehingga Gred Utama C (L3 / S3). Terkini, EXEC merekodkan keahlian seramai 2,884 ahli daripada pelbagai gred. Barisan Ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) EXEC Sesi 2018-2019 telah mengatur langkah dengan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tempoh tersebut melibatkan ahli di seluruh negara. Segala program dan aktiviti tersebut telah dirancang selaras dengan 5 Agenda Eksekutif EXEC iaitu:

i. Memastikan kepentingan pegawai eksekutif dilaksanakan secara adil dan saksama bagi menjamin kelestarian modal insan LHDNM;

ii. Mengukuh dan memantapkan lagi hubungan strategik dengan pengurusan atasan LHDNM demi kepentingan organisasi;

iii. Memperkasa pegawai eksekutif dari aspek kompetensi, kepimpinan, integriti, tadbir urus terbaik dan berdaya saing;

iv. Mengangkat martabat institusi perwakilan eksekutif; dan

v. Meneroka dan meningkat jaringan kerjasama antara organisasi luar.

Sejajar dengan tuntutan peruntukan Fasal 11 Perlembagaan EXEC, maka EXEC telah mengadakan Mesyuarat Agung EXEC Kali Ke-8 (MAE-8) bertempat di Dewan Sri Hasil, Akademi Percukaian Malaysia Bangi pada 25 Februari 2020. MAE-8 ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dengan kehadiran Tuan Syed Hisham Syed Mansor, Pengarah Akademi Percukaian Malaysia.

MAE-8 yang diadakan secara dwi-tahunan ini bertujuan untuk memilih dan melantik barisan MPT EXEC yang akan menerajui EXEC Sesi 2020/2021 bagi menggantikan MPT EXEC sesi 2018/2019 yang telah tamat tempoh perkhidmatan.

Gimik Perasmian Mesyuarat Agung Mesyuarat Agung EXEC Kali Ke-8

Sebagaimana MAE-7, pemilihan MPT pada kali ini diteruskan dengan menggunakan kaedah *e-voting* yang dipantau oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan, Encik Masrun Maslim dan dibantu oleh Puan Siti Suhaila Dolah untuk memastikan pemilihan berjalan lancar, telus dan berintegriti.

Seramai 24 ahli yang dicalonkan telah menang tanpa bertanding manakala tambahan seramai 5 calon lantikan Pengerusi EXEC telah berjaya mengisi kepimpinan EXEC sesi 2020/2021.

MAE-8 yang melibatkan penyertaan seramai 185 ahli dari seluruh negara ini juga telah meluluskan Minit Mesyuarat Agung EXEC Kali Ke-7 yang telah diadakan pada 13 April 2018. Selain daripada itu, sebanyak 4 usul yang melibatkan pindaan perlembagaan persatuan, peruntukan perbelanjaan bagi tahun 2020/2021, pelantikan Juru Audit Luar dan pelantikan Juru Audit Dalam EXEC sesi 2020/2021 juga telah mendapat kelulusan daripada ahli yang hadir.

MAE-8 dilabuhkan tirainya dengan harapan yang besar dari para ahli agar EXEC akan terus menjadi persatuan yang sentiasa menaungi kepentingan pegawai eksekutif dan cemerlang sentiasa pada masa hadapan.

YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Samitah bergambar bersama-sama Ahli EXEC yang hadir ke Mesyuarat Agung EXEC Kali Ke-8

Barisan Ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) EXEC Sesi 2020/2021

PROGRAM DERMA DARAH PERDANA SEMPENA SAMBUTAN HARI HASIL KE-24

Oleh : **Nor Lela AlKamah,**
Penolong Pegawai Seranta KPPU

Jom Derma Darah. Program Derma Darah merupakan aktiviti Tanggungjawab Korporat Sosial (CSR) tahunan LHDNM kepada rakyat Malaysia, khususnya kepada Pusat Darah Negara (PDN). Bersempena Sambutan Hari Hasil Ke-24, Kor Penyelaras Pasukan Beruniform (KPPU) dengan kerjasama Pusat Darah Negara (PDN) telah menganjurkan Program Derma Darah Perdana 2020 pada 25 Februari 2020 di Dewan Bangsawan, Menara Hasil, Cyberjaya. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM dan turut dihadiri oleh YBrs. Encik Mohammed Noor Bin Ahmad, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) merangkap Timbalan Komandan KPPU, serta Encik Hishamudin Bin Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat selaku Pengerusi Sambutan Hari Hasil Ke-24.

Program berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang in telah mendapat sambutan hangat bukan sahaja daripada Hasilian malahan daripada masyarakat dan agensi sekitar Cyberjaya. Seramai 300 orang telah hadir dan menjalani pemeriksaan kesihatan. Hasilnya, sebanyak 200 beg darah berjaya diperoleh daripada penderma yang layak. Penganjuran pada tahun ini turut mengalakkan penyertaan seluruh cawangan LHDNM secara serentak atau mengikut kesesuaian tarikh Pusat Darah di tempat masing-masing. Secara keseluruhan, program ini berjaya mengumpul sebanyak 1,233 beg darah daripada peserta. Ternyata, Kempen *'Setitis Darah Menyelamatkan Nyawa'* ini benar-benar diberi perhatian dan berjaya menjentik keprihatinan para pengunjung.

Kejayaan program ini dapat diukur dengan peningkatan jumlah penderma serta penglibatan cawangan dan juga jumlah beg darah yang berjaya dikumpul. Pelbagai inisiatif dan usaha telah dilaksanakan bermula dari peringkat awal bagi memastikan penganjuran program berjalan lancar. Promosi berkala dilaksanakan melalui media sosial seperti emel, aplikasi whatsapp, Instagram dan Facebook. Poster-poster dan kain rentang turut dipasang di setiap agensi sekitar Cyberjaya dan mendapat kerjasama daripada pihak pengurusan Masjid Haji Fi Sabilillah Cyberjaya melalui pengumuman sebelum Solat Jumaat diadakan. Antara pembaharuan yang dibuat bagi menarik lebih ramai pengunjung hadir ke lokasi program adalah jualan produk-produk kesihatan dan booth KPPU yang menyediakan pameran setiap KOR serta kaunter pendaftaran ahli baharu turut diadakan.

Penganjuran Program Derma Darah ini turut melibatkan 60 orang petugas KPPU yang terdiri daripada anggota Wataniah HASiL, CDERT HASiL, Bomba Sukarela HASiL dan seramai 25 orang kakitangan dari PDN. Walaupun dalam kesibukan bertugas sepanjang program ini berlangsung, anggota KPPU ini juga merupakan penderma dalam program tersebut dan seramai 80% daripada mereka telah berjaya menderma.

Saban tahun, program ini dilihat banyak memberikan pengalaman baharu kepada pihak penganjur dan ini memberikan motivasi kepada pihak KPPU dalam terus melaksanakan program murni sebegini pada masa hadapan. Sokongan padu setiap pihak baik di peringkat Pengurusan LHDNM, Hasilian mahupun masyarakat sekitar telah menjadikan program ini sangat dihargai oleh Pusat Darah Negara, malah Kementerian Kesihatan Malaysia turut mengiktiraf sumbangan LHDNM dalam bersama-sama meningkatkan bekalan darah kepada Tabung Darah Negara melalui kolaborasi ini.

MAJLIS BACAAN YASIN, SOLAT HAJAT DAN TAZKIRAH SEMPENA HARI HASIL KE-24

Oleh : **Azmin Omar, Jawatankuasa Program Majlis Bacaan Yasin, Solat Hajat Dan Tazkirah**

Hari Hasil yang disambut pada 1 Mac setiap tahun merupakan acara sambutan tahunan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) bagi meraikan ulang tahun LHDNM dilembagakan dan menjadi salah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kewangan. Pelbagai program telah dirancang bagi memeriahkan acara termasuklah Majlis Bacaan Yasin, Solat Hajat Dan Tazkirah Sempena Sambutan Hari Hasil ke-24.

Acara tahunan ini telah diadakan pada 27 Februari 2020 bertempat di Masjid Raja Haji Fisabilillah, Cyberjaya; bertujuan untuk menzahirkan rasa syukur Hasilian dengan harapan agar LHDNM akan terus menjadi sebuah organisasi yang cemerlang dan berprestasi tinggi. Program yang merupakan anjuran bersama Persatuan Kebajikan Islam Hasil Dalam Negeri Malaysia (PERKIS) dan Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) telah disempurnakan dengan kehadiran YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin Bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM. Turut hadir adalah YBrs. Encik Mohammed Noor Bin Ahmad, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), pengarah jabatan dan pengarah cawangan sebagai tetamu kehormat.

Program ini melibatkan 650 orang Hasilian dari Ibu pejabat dan cawangan sekitar Lembah Klang. Program yang dijalankan ini turut mendapat kerjasama pihak Masjid Raja Haji Fisabilillah yang telah menyediakan tempat dan berbesar hati mengetuai Bacaan Yasin dan Solat Hajat. Selain itu, tazkirah ringkas telah diadakan bagi memberikan motivasi kepada Hasilian untuk bekerja dengan lebih cemerlang. Tazkirah ringkas bertajuk Muslim Professional telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Ustaz Pahrol Mohamad Juoi.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian sumbangan berjumlah RM18,000.00 kepada tiga (3) badan kebajikan. Badan kebajikan yang terlibat ialah Persatuan OKU Berdaya Hulu Langat, Sekolah Islam Nur Al-Azhar (SINAR), Port Dickson dan Maahad Tahfiz D Itqan. Kehadiran Mudir dan 30 orang pelajar daripada badan kebajikan yang dijemput telah menyerikan lagi program ini. Program yang bermula pada jam 9:00 pagi ini telah berjalan dengan lancar dan berakhir pada jam 2:00 petang.

PROGRAM
Bacaan Yasin
SOLAT HAJAT DAN TAZKIRAH
KHAMIS, 27 FEBRUARI 2020M



SIRI KLINIK CUKAI DI BERNAMA RADIO

Stesen Berita Bisnes Anda

01 Mudahnya Aplikasi e-Filing

Tarikh Siaran:
12 Mac 2020

Tetamu:
En. Muhammad Syazwan Malik
Pn. Sharifah Zati Amni Syed Azlan

"Penamatan pencetakan dan pengeposan Borang Nyata mulai Tahun Taksiran 2018 adalah sebagai inisiatif LHDNM untuk menggalakkan pembayar cukai agar menggunakan kemudahan sistem e-Filing selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan penggunaan aplikasi digital serta melestarikan alam sekitar di Malaysia *(Go Green Campaign)*."

02 Pergerakan Dikawal, Urusan Cukai Tetap Diteruskan

Tarikh Siaran:
2 April 2020

Tetamu:
En. Saidul Sahri Alkamal

"Secara amnya, bagi penghantaran Borang B dan Borang BE, lanjutan masa 2 bulan telah diberikan oleh LHDNM. Jika pembayar cukai yang hanya makan gaji yang menghantar Borang BE secara e-filing tarikh akhir adalah pada 30 April tetapi dilanjutkan ke 30 Jun 2020. Manakala bagi Borang B dan P pula dilanjutkan ke 31 Ogos 2020."

03 Tanggungjawab Majikan

Tarikh Siaran:
9 April 2020

Tetamu:
Pn. Sufiah Nazirah Mohamad Nasir

"Majikan tidak boleh membuat apa-apa bayaran kepada pekerja yang akan berhenti bekerja / bersara atau meninggalkan Malaysia melebihi dari 3 bulan dan berniat tidak akan balik semula, ke atas apa-apa wang yang boleh dibayar kepada pekerja tersebut dan wang berkenaan di bawah milikan majikan. Pegangan ini hendaklah dibuat sehingga selepas 90 hari selepas Ketua Pengarah menerima notis bertulis melalui CP21 / CP22A / CP22B."

04 Rahsia Jimat Cukai

Tarikh Siaran:
16 April 2020

Tetamu:
Pn. Siti Zaweiyah Mohamad Sani

"Pembayar cukai hendaklah tahu berkaitan elemen-elemen yang mempengaruhi pendapatan bercukai seseorang. Lebih tinggi pendapatan bercukai, lebih tinggi cukai dikenakan dan seterusnya memberi kesan ke atas bayaran balik/baki cukai kena bayar."

05 Anda Penerima Sewa – Pendapatan Yang Dikenakan Cukai

Tarikh Siaran:
23 April 2020

Tetamu:
En. Mohd Syihab Mohd Mahfdzuz

"Saya nasihatkan agar, setiap individu yang mempunyai pendapatan sewa, rekodkan sebaik yang mungkin setiap pendapatan kasar yang diterima ini. Sebagai contoh jika anda menerima bayaran sewa melalui *Online Transfer,* penyata bank adalah rekod yang baik sebagai rekod untuk disimpan. Manakala jika anda menerima secara tunai, anda boleh membuat rekod secara manual."

06 Silap Lapor? Jangan Risau, Semua Boleh *Settle*

Tarikh Siaran:
30 April 2020

Tetamu:
Pn. Huslinda Husnon

"Pembayar cukai dibenarkan untuk membuat pindaan sendiri ke atas maklumat atau taksiran bagi membetulkan kesilapan dalam Borang Nyata berhubung dengan :

a) pendapatan terkurang/ tidak lapor;
b) perbelanjaan/ tuntutan lain terlebih tuntut; atau
c) elaun modal / insentif / pelepasan yang terlebih tuntut"

07 Taraf Mastautin

Tarikh Siaran:
14 Mei 2020

Tetamu:
En. Wan Mazri Wan Md Zain

"Adalah sangat penting untuk menentukan taraf mastautin seseorang individu/pembayar cukai kerana skop pengenaan cukai seseorang adalah bergantung kepada taraf permastautinannya. Selepas penentuan sumber atau punca pendapatan tersebut diperolehi, penentuan taraf mastautin akan menentukan kadar cukai yang kena dibayar oleh individu tersebut."

08 Manfaat Pekerja

Tarikh Siaran:
21 Mei 2020

Tetamu:
En. Ahmad Syaiful Razli

"Manfaat Berupa Barangan ini diperuntukan di bawah perenggan 13(1)(b), Akta Cukai Pendapatan 1967, yang mana ia merupakan penerimaan nilai manfaat atau kemudahan bukan berbentuk tunai.

Penerimaan manfaat/ kemudahan bukan dalam bentuk tunai ini merupakan salah satu dari jenis – jenis pendapatan penggajian yang di ambil kira dalam penentuan pendapatan kasar seseorang pekerja selain daripada pandapatan penggajian yang diterima dalam bentuk tunai seperti gaji dan bonus."

Peniaga Bijak

Tarikh Siaran:
4 Jun 2020

Tetamu:
En. Shamsul Sofian Ahmad Anuar

09

"CP 500 adalah notis bayaran enam kali ansuran mulai daripada bulan Mac setiap tahun bagi pembayar cukai yang mempunyai sumber pendapatan selain daripada penggajian seperti perniagaan, sewa dan royalti.

Peniaga bijak akan mematuhi amaun ansuran yang dianggarkan oleh LHDNM bagi mengelakkan bayaran cukai secara pukal (banyak) atau "lump sum"."

Belanja Perniagaan - Mana Boleh, Mana Tidak Boleh?

Tarikh Siaran:
11 Jun 2020

Tetamu:
En. Mohd Khairul Amin Mohd Salleh & En. Mohamad Ehsan Mohamad Rasad

10

"Selain daripada perbelanjaan perniagaan dan perbelanjaan khusus yang dibenarkan, elaun modal juga dibenarkan tolakan daripada pendapatan perniagaan sebagai ganti kepada perbelanjaan susutnilai bagi pembelian aset yang digunakan di dalam perniagaan

Antara contoh belanja yang tidak dibenarkan untuk dituntut sebagai tolakan dalam pendapatan perniagaan ialah belanja permulaan kerana belanja tersebut bukan dibuat dalam menghasilkan pendapatan."

Anda Diperhatikan

11

Tarikh Siaran:
18 Jun 2020

Tetamu:
Dr. Zainal Abidin Md Yassin & En. Hafizuddin Mohd Imanuddin

"Mungkin beberapa ringgit daripada pendapatan yang tidak dilaporkan mungkin tidak dilihat sebagai masalah besar, tetapi secara kolektifnya ia boleh mencecah berbilion ringgit.

Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, kita perlu bersama – sama membantu kerajaan untuk memastikan sistem cukai di negara ini terus adil kepada semua."

Untung Besar Jual Tanah

Tarikh Siaran:
25 Jun 2020

Tetamu:
Pn. Siti Aminah Ismail & Pn. Faizah Md Noor

12

"Jadi, kalau ada banyak rumah yang dimiliki, perlulah berhati-hati dalam membuat pemilihan untuk memohon pengecualian ini. Pelupus sewajarnya pilih satu rumah dengan nilai keuntungan yang paling tinggi untuk pengecualian CKHT, supaya pengecualian cukai yang dipohon adalah berbaloi untuk dinikmati.

Saya ingin menasihati mereka yang melupuskan aset supaya ambil tahu perkara asas berkenaan dengan CKHT walaupun kebiasaannya penyediaan dokumen pelupusan harta tanah diuruskan oleh peguam, termasuklah pengemukaan Borang CKHT kepada LHDNM."

Duti Setem? Apa Tu?

Tarikh Siaran:
2 Julai 2020

Tetamu:
Pn. Tengku Nurbaiti Tengku Kamarulzaman & En. Saidul Sahri Alkamal

13

"Setiap dokumen yang disetemkan melalui STAMPS dan DFS 2.0, maklumat penyeteman ada disimpan di laman web STAMPS iaitu di **www.stamps.hasil.gov.my.** Ini bertujuan untuk memberikan maklumat dan pengesahan ketulenan ke atas dokumen yang telah disetemkan.

Jika maklumat wujud, maka sijil setem atau setem tertera tersebut adalah sah. Tetapi jika maklumat tidak wujud, dikhuatiri sijil setem atau setem tertera tersebut adalah palsu."

Selesai Cukai, Baru Ubah Angin

Tarikh Siaran:
9 Julai 2020

Tetamu:
Pn. Mazura Ab Hadi & En. Syed Mohd Asrul S Mohamad Kamaruzaman

14

"Bagi pekerja yang akan berhenti kerja, bersara atau hendak meninggalkan Malaysia mereka perlu memastikan taksiran tahun kebelakangan adalah lengkap dan teratur.

Untuk itu, pekerja boleh hadir ke cawangan yang menguruskan fail beliau atau mana-mana cawangan yang terdekat dengan membawa dokumen-dokumen pembuktian bagi penggajian yang diterima dan pelepasan-pelepasan yang dituntut pada tahun-tahun taksiran sebelum."

Ambil Peduli, Elak Dituntut Di Mahkamah

Tarikh Siaran:
16Julai 2020

Tetamu:
En. Norhisham Ahmad

15

"Berkenaan dengan akaun yang disekat, memang benar LHDN boleh berbuat demikian dengan mengambil tindakan yang dikenali sebagai garnismen yang merupakan salah satu daripada tindakan pelaksanaan penghakiman.

Melalui tindakan garnismen, LHDNM sebagai pemiutang penghakiman akan memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah tunjuk sebab bagi mengarahkan orang yang digarnis iaitu bank yang menyimpan wang Penghutang Penghakiman untuk membayar wang tersebut kepada LHDNM."

"The two things in life you are in total control over are your attitude and your effort" – Billy Cox.

Personaliti yang diketengahkan dalam keluaran ini merupakan seorang pegawai Pejabat Perakaunan Negeri Sabah, Pejabat Pengarah Negeri Sabah yang telah ditauliahkan *ASEAN Chartered Profesional Accountant* (ASEAN CPA) dan *Chartered Public Finance Accountant* (CPFA) daripada *The Chartered Institute of Public Finance Accountant* (UK). Pensijilan profesional ini adalah bagi mengiktiraf akauntan sektor awam berdasarkan kepada pencapaian akademik serta pengalaman kerja yang mencukupi di dalam bidang-bidang yang berkaitan. Seseorang akauntan yang memiliki kelayakan ini dianggap mempunyai pengetahuan, pengalaman, kepakaran dan kompeten dengan pelbagai kemahiran dan kecekapan yang diperlukan untuk kerjaya kewangan dalam perkhidmatan awam.

Beliau yang dimaksudkan adalah **Tuan Ikmal Rashmy bin Ismail.**

LATAR BELAKANG RINGKAS KERJAYA

Tuan Ikmal memulakan kerjaya sebagai Pembantu Audit *(Audit Assistant)* di sebuah firma Audit iaitu Azman, Wong, Salleh & Co. (AWS) pada 1 Disember 1995. Setelah beroleh pengalaman di AWS selama 2 tahun, beliau meneruskan kerjaya di Kenanga Investment Bank (dahulunya dikenali sebagai K&N Kenanga Berhad) sebagai *Accounts Executive* dengan jawatan terakhir sebagai *Senior Accounts Executive.* Beliau mula menyertai LHDNM pada 30 Mei 2002 sebagai Penolong Pengarah (Perakaunan) Gred 7 dan penempatan pertama adalah di Pejabat Perakaunan di Cawangan Pulau Pinang sebelum ditukarkan ke Jabatan Kewangan (JK), Ibu Pejabat LHDNM Jalan Duta setahun selepas itu.

"Alhamdulillah, saya telah dinaikkan pangkat pada bulan Julai 2007 dan bertukar ke Jabatan Audit Dalam (JAD) sebagai Ketua Unit Audit Pengurusan. Semasa di JAD, saya telah berpeluang mengikuti satu Persidangan Audit Dalam Antarabangsa *(International Internal Audit Conference)* di Las Vegas, Nevada, USA pada tahun 2008. Menyantuni konsep pusingan kerja di LHDNM *(job rotation concept),* saya telah dihijrahkan secara pindah butiran, jawatan Eksekutif Hasli Kanan I pada 1 Julai 2017 ke Pejabat Perakaunan Negeri Sabah di Kota Kinabalu sehingga kini," ujar beliau.

CIPFA The Chartered Institute of Public Finance & Accountancy

Mr IKMAL RASHMY ISMAIL

was elected
a qualified Accountant Member of the Institute

on the
03 April 2020

President Vice-President Chief Executive

"Beras Segenggam Tidak Akan Berubah Menjadi Nasi, Jika Api Takut Dinyalakan"

Tuan Ikmal Rashmy Ismail,
Chartered Public Finance Accountant (CPFA UK)

Susunan : **Dr. Abdul Razak Mohamad Dewa**

LATAR BELAKANG, SYARAT DAN KELAYAKAN UNTUK MEMILIKI KELAYAKAN PROFESIONAL CHARTERED PUBLIC FINANCE ACCOUNTANT (CPFA)

The Chartered Institute of Public Finance and Accountancy (CIPFA) adalah institusi profesional untuk akauntan yang bekerja di perkhidmatan awam, agensi audit nasional, firma perakaunan utama dan di agensi-agensi kerajaan yang lain di mana wang awam perlu diuruskan dengan cekap dan berkesan. Dengan 14,000 ahli di seluruh dunia, CIPFA merupakan satu-satunya badan perakaunan profesional Inggeris yang berpusat di United Kingdom (UK) khusus untuk sektor perkhidmatan awam. CIPFA juga tergolong dalam Persekutuan Akauntan Antarabangsa.

Kelayakan Akademik Bagi Perakaunan Profesional CIPFA dan Portfolio Pengalaman Praktikal *(Practical Experience Portfolio)* adalah perlu untuk memohon Keahlian CIPFA. Setelah keahlian diluluskan, ahli adalah bergelar CPFA dan boleh menggunakan huruf penentu 'CPFA' selepas nama mereka, selama mereka menjadi ahli. Akauntan yang dianugerahkan CPFA adalah diiktiraf secara global dan memperoleh status sebagai profesional serta mempunyai kemahiran dalam bidang kewangan, untuk kedua-dua sektor awam dan korporat.

Professional Accountancy Body		
DATE ENROLLED	**ACCOUNTANCY BODY**	**DESIGNATION / MEMBERSHIP TYPE**
January 2020	ASEAN Chartered Professional Accountant (ASEAN CPA)	ASEAN CPA / Full Membership
December 1999	Malaysian Institute of Accountants (MIA)	C.A (M) / Full Membership

HARAPAN/NASIHAT BERGUNA YANG BOLEH DITELADANI OLEH HASILIAN LAIN

"Sebagai Akauntan Bertauliah, dengan pengalaman hampir 25 tahun dalam industri seperti firma audit, bank pelaburan dan kini bekerja di LHDNM, ia merupakan teras kepada kompetensi yang saya miliki sekarang ini. Saya menggunakan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran interpersonal saya untuk melaksanakan tugas saya." Ujar Tuan Ikmal

Kesungguhan dalam menuntut ilmu telah mendorong beliau untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana mulai tahun 2015 dengan pembiayaan sendiri. Walaupun bermula agak lewat, beliau berjaya memiliki ijazah Sarjana dalam bidang Amalan Pembangunan Lestari *(Master in Sustainable Development Practise)* daripada Universiti Sains Malaysia pada bulan Ogos tahun 2019.

Beliau menambah, "Saya suka menggalakkan rakan-rakan dan seluruh Hasilian untuk terus menuntut ilmu. Semakin kita belajar, semakin kita sedar banyak perkara sebenarnya yang tidak kita ketahui. Kendatipun demikian, janganlah kita merasa sombong dan bongkak dengan kedudukan atau pangkat mahupun ilmu pengetahuan serta pencapaian akademik yang kita capai sekarang ini. Sebaliknya, ikutlah resmi padi 'semakin berisi semakin tunduk' dan berbuat baiklah sesama manusia mahupun kepada haiwan."

LHDN
MALAYSIA

COVID19

LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN COVID19

NORMA BAHARU APABILA BERURUSAN DI KAUNTER LHDNM

Memakai pelitup muka

Memakai hand sanitizer

Penjarakan fizikal 1 meter



Imbas kehadiran

LHDN
MALAYSIA

JABATAN KHIDMAT KORPORAT
CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

HAK PEKERJA DALAM ISLAM (BAHAGIAN 1)

Sumber : **https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3562-bayan-linnas-siri-ke-196-hak-pekerja-dalam-islam**

Mukadimah

Islam adalah agama yang merangkumi semua aspek kehidupan. Bermula daripada bangun tidur hingga kepada tidur semula telah dijelaskan oleh syariat Islam. Begitu juga daripada individu hingga kepada mentadbir urusan negara dibincangkan oleh agama Islam.

Isu bekerja adalah antara ikhtiar manusia meneruskan kehidupan dengan lebih sempurna berbanding dengan makhluk-makhlukNya. Konsep serta nilai murni pekerjaan juga amat dititikberatkan oleh Islam sehingga terdapat satu hadith yang diriwayatkan oleh Saidatina 'Aisyah R.Anha, bahawa Nabi SAW telah bersabda:

> *"Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu kerja, dia laksanakan dengan cemerlang."*
>
> Riwayat al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Awsath (897) dan al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman (4929, 4930 dan 4931) tetapi dengan sanad yang berbeza.

Semoga penjelasan yang bakal diberikan ini memberikan satu fahaman dan pencerahan dalam setiap tindak-tanduk kita selaku pekerja.

Galakan Untuk Bekerja

Islam menyeru umatnya untuk bekerja dalam meneruskan kehidupan seharian. Namun demikian penekanan terhadap punca rezeki atau mata pencarian yang halal adalah menjadi kewajipan kepada seluruh umat Islam. Ini kerana, setiap apa yang menjadi rezeki atau yang berkaitan dengan kehidupan seharian kita akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT di akhirat kelak.

Hal ini berdasarkan hadis daripada Ibn Mas'ud R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda:

> *"Kaki anak Adam akan tetap tegak berdiri di sisi Tuhannya pada hari Kiamat, hingga dia ditanya tentang lima perkara (iaitu): tentang umurnya untuk apa dia habiskan, tentang masa mudanya untuk apa dia gunakan,* ***tentang hartanya dari mana dia dapatkan,*** *dan dalam hal apa (hartanya tersebut) dia belanjakan dan apa sahaja yang telah dia lakukan dari ilmu yang dimilikinya."*
>
> Riwayat al-Tirmizi (2416)

Galakan untuk berusaha mencari sumber rezeki yang halal juga dapat dilihat berdasarkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW bersabda:

> *"Siapa yang mencari dunia yang halal untuk menjauhkan diri dari berminta-minta, dan usaha untuk keluarganya dan untuk baik dengan tetangganya, akan dibangkitkan oleh Allah pada hari kiamat dengan mukanya bagaikan bulan purnama, dan siapa yang mencari dunia halal untuk memperbanyak, berbangga dan sombong, akan bertemu dengan Allah pada hari kiamat sedang Allah murka padanya."*
>
> Riwayat al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman (9890), Ahmad (2/436), Ibn Abi Syaibah dalam al-Musannaf (7/16) dan al-Tabarani dalam Musnad al-Syamiyyin (3465).

Hadis ini menunjukkan bahawa bekerja merupakan perkara yang dituntut. Ini menunjukkan kita perlu berusaha dalam meneruskan kesinambungan hidup. Justeru, beberapa langkah seperti memotivasikan pekerja, melihat contoh dan teladan pekerja yang berjaya di samping semangat dan ruh 'pekerjaan sebagai satu ibadat' hendaklah dijadikan motto atau misi oleh pekerja.

Hak Pekerja

Hak pekerja yang mesti diberikan oleh majikan, antara lain ialah:

- **Gaji yang telah dijanjikan hendaklah dibayar mengikut terma perjanjian.** Bahasa yang digunakan dalam hadis adalah sebelum peluh kering seperti dalam hadis yang diriwayatkan daripada Ibn Umar R.Anhuma, Nabi SAW bersabda:

> *"Berikanlah upah pegawai (buruh), sebelum kering peluhnya."*
>
> Riwayat Ibn Majah (2443), al-Baihaqi dalam al-Sunan al-Kubra (11988) dan al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Saghir (34)

Walaupun begitu penggajian boleh juga berdasarkan kesepakatan antara pekerja dan majikan sama ada dibayar mengikut harian, mingguan atau bulanan. Ada juga dibayar dalam bentuk sekali gus dan ada juga yang mengikut jam. Oleh itu, jika hal seperti ini sudah disepakati, maka ia hendaklah ditunaikan mengikut kesepakatan tersebut.

- **Kemudahan kesihatan** juga perlu diambil kira melalui Takaful dan sebagainya.
- **Hak untuk berpersatuan** bagi membela dan memperjuangkan hak mereka hendaklah dibenarkan selama mana tidak membawa kepada unsur negatif.
- **Tidak membebankan pekerja di luar kemampuannya** sehingga menyebabkan seseorang itu tidak mampu melakukan tugas dengan sebaiknya. Jika terpaksa dilakukan, maka bantulah mereka.
- **Pangkat dan kenaikan gaji hendaklah dilakukan seadilnya** bukan melalui pilih kasih tetapi mengikut kelayakannya. Dicadangkan sebuah badan khusus yang menilai kemampuan dan kebolehan serta kelayakan pekerja untuk dinaikkan pangkat berdasarkan kriteria tertentu.
- **Hak untuk berehat atau cuti** mengikut persepakatan dan terma perjanjian antara mereka. Oleh itu, jika hal seperti ini sudah disepakati, maka ia hendaklah ditunaikan mengikut kesepakatan serta tidak memungkirinya. Nabi SAW bersabda:

> *"Umat Islam wajib mematuhi persyaratan yang telah mereka sepakati."*
>
> Riwayat Abu Daud (3594), al-Tirmizi (1352), al-Baihaqi dalam al-Sunan al-Kubra (11761), al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Kabir (30) dan al-Daraqutni (96).

- Memberi peluang kepada pekerja untuk **menambahkan lagi kemahiran** agar benar-benar menepati dan mencapai ke tahap profesional atau pekerja mahir. Ini kerana sudah pasti memberi pulangan yang baik kepada syarikat, majikan, dan juga negara.
- **Melayani pekerja dengan baik serta tidak bersikap kasar dan zalim** sehingga melakukan kekasaran fizikal kepada pekerja. Nabi SAW tidak pernah melakukan kekasaran kepada bawahannya. Saidatina Aisyah R.Anha menceritakan:

> *Rasulullah tidak pernah memukul dengan tangannya sedikit pun, tidak kepada wanita dan tidak kepada hamba (pekerja)."*
>
> Riwayat Muslim (2328) dan Abu Daud (4786)

Nantikan sambungan artikel ini berhubung Hak Majikan dalam keluaran akan datang.

Kawal KEBIMBANGAN dalam 5 Minit

Disediakan oleh : **Seksyen Pembangunan Bakat & Psikologi, Bhg. Pengurusan Potensi, Jabatan Pengurusan Insan**

Majoriti masyarakat di seluruh dunia terkesan akibat pandemik Coronavirus dari pelbagai sudut; ekonomi, kesihatan, sosiologi dan psikologi. Ditambah pula dengan kerancakan media elektronik dan media cetak dalam penyebaran berita berkaitan wabak ini memberi kesan secara langsung kepada pemikiran dan emosi manusia. Ini menyebabkan kita kerap bermonolog dengan diri sendiri, "Bila Covid-19 ini akan berakhir?". Situasi sebegini mampu mencetuskan perasaan bimbang yang berpanjangan. Perasaan bimbang adalah sebahagian daripada hidup manusia dan kita tidak boleh lari daripada menghadapinya. Namun, jika ia tidak dikawal dengan teratur, perasaan tersebut mampu mengganggu aturan kehidupan seharian kita. Jika kita gagal menangani perasaan ini dengan baik, berkemungkinan perasaan bimbang yang melampau atau *anxiety* akan wujud. Berikut dikongsikan tips pantas mengawal kebimbangan dalam masa yang singkat (5 minit) :

1. **Kenal pasti pencetus**
   Apakah rasa bimbang menyebabkan perubahan emosi dan fizikal? Salah satu penyebab yang paling biasa dikesan ialah pemikiran yang tidak rasional atau "Bagaimana jika?". "Bagaimana jika sekolah masih ditutup sehingga akhir tahun ini?" "Bagaimana jika saya jatuh sakit?" "Bagaimana jika anak saya jatuh sakit?" "Bagaimana jika saya kehilangan pekerjaan?" "Bagaimana jika saya mengalami serangan panik?" "Bagaimana jika saya gagal?". Ini adalah cara untuk kenal pasti pemikiran yang menjadi pencetus kebimbangan.

2. **Skalakan kegelisahan anda**
   Setelah berjaya mengenal pasti pemikiran yang menyebabkan anda rasa bimbang dan gelisah, nilaikan intensiti emosi dari skala 1 hingga 10. Contohnya, "Kebimbangan, 8/10."

3. **Tuliskan fikiran dan gambaran anda berkaitan kebimbangan yang dihadapi**
   Individu yang mengalami kegelisahan dan kebimbangan cenderung untuk mempunyai imaginasi yang sangat aktif. Mereka akan menjangkakan senario yang buruk bakal berlaku walaupun ia hanya bayangan semata-mata. Luangkan masa sebentar untuk menulis apa yang anda bayangkan bakal berlaku. Ini termasuk reaksi anda, reaksi orang lain, apa yang akan mereka katakan, apa yang akan anda lakukan dan lain-lain lagi.

4. **Kaji bukti yang menyokong kepada pemikiran bimbang**
   Anda perlu mencari fakta sokongan yang mengesahkan pemikiran bimbang yang berlaku. Ia mungkin dilihat tidak praktikal, tetapi ini akan memberi anda peluang untuk berfikir kembali atau membuat persediaan menghadapi perasaan bimbang tersebut.

5. **Kaji bukti yang menentang kepada pemikiran bimbang**
   Di sinilah anda perlu bertindak seperti detektif yang mencari fakta dan bukan pendapat. Apakah fakta yang menunjukkan bahawa pemikiran bimbang yang anda alami itu tidak benar? Tanya pada diri sendiri, adakah kebimbangan ini pernah berlaku sebelum ini? Berapa kali kekerapannya? Anda mungkin baru mengetahui bahawa perkara itu hanya berlaku sekali sepanjang hidup anda atau tidak pernah berlaku sebelum in. Adalah sesuatu yang bagus jika anda pernah mengalami sesuatu peristiwa buruk sebelum ini dan anda berjaya melawan perasaan bimbang tersebut. Cara ini juga bagus untuk menilai kembali pemikiran bimbang yang membelenggu diri anda.

6. **Suntik pemikiran yang lebih realistik dan seimbang**
   Daripada anda terus melayan jangkaan buruk yang bermain di fikiran, adalah lebih baik jika pemikiran tersebut ditukar kepada peluang yang boleh diambil. Berapa banyak perkara positif yang bakal berlaku? Mungkin anda pernah mengalami kesusahan yang sama sebelum ini, namun bagaimanakah pendekatan yang telah diambil untuk menyelesaikan permasalahan tersebut? Adakah penting untuk anda memikirkan secara serius tentang perkara ini sehingga memberi kesan kepada masalah fizikal anda?. Menjawab soalan ini secara berterusan dalam keadaan fokus bersandarkan bukti-bukti yang telah anda kemukakan (no. 4 dan no. 5) boleh meredakan ketegangan daripada memikirkan perkara yang tidak rasional.

7. **Buat penilaian semula skala kebimbangan**
   Pada tahap ini, kebanyakan daripada kita akan mendapati perasaan bimbang mulai berkurangan dan bukti-bukti kajian yang telah dibuat akan mengimbangi perasaan tersebut. Perkara ini dapat memberi kita kelebihan untuk mencabar pemikiran negatif dan bukannya mempercayainya secara bulat-bulat. Jika kaedah ini tidak berfungsi untuk anda, jangan meletakkan nilai yang negatif pada diri sendiri. Ini hanya akan meningkatkan kegelisahan yang dialami. Kadang kala perasaan yang terlalu risau menyebabkan kita sukar untuk memikirkan alternatif dengan lebih baik. Berkongsilah perasaan dengan orang yang anda sayangi dan percayai agar tidak berseorangan dalam menghadapi permasalahan ini.



Let's TALK Minda Sihat

Inisiatif membina kesedaran rakyat tentang kepentingan kesejahteraan dan kesihatan minda serta membanteras stigma kesihatan mental.

#letstalkmindasihat

Dapatkan bantuan:

Talian Kasih 15999

Befrienders Kuala Lumpur 03-7956 8145/8144

Kesihatan Mental Dalam Norma Baharu

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia
Susunan : Junaidatul Al-Fatiah binti Elias

10 Oktober, tarikh yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai Hari Kesihatan Mental Sedunia setiap tahun. Bagi tahun 2020, tema *Mental Health for All. Greater Investment - Greater Access. Everyone, everywhere….* dilihat amat bersesuaian dengan situasi yang sedang dihadapi oleh masyarakat seluruh dunia dalam mendepani cabaran kehidupan sejak tercetusnya penularan pandemik Covid-19. Kerisauan terhadap perkara yang berlaku dan ketidakpastian atas segala kemungkinan akan datang turut menyebabkan pelbagai masalah timbul, termasuklah gangguan terhadap kesihatan mental.

Menurut WHO, kesihatan mental adalah keadaan di mana seseorang individu menyedari potensinya, boleh berdaya tindak terhadap stres kehidupan seharian, boleh bekerja dengan produktif dan boleh menyumbang kepada masyarakat. Mereka yang mempunyai kesihatan mental yang baik adalah mereka yang selesa dengan diri sendiri, selesa dengan orang lain dan boleh menerima cabaran hidup seharian. Ia amat penting bagi seseorang itu mampu menangani cabaran di rumah dan tempat kerja, mencapai cara bekerja yang sihat dan seronok serta memupuk hubungan baik dengan rakan sekerja; dan meningkatkan produktiviti dan kualiti hidup.

Masalah kesihatan mental berlaku apabila seseorang individu mengalami gangguan emosi atau perasaan yang boleh mengakibatkan fungsi kehidupan seharian tidak berada pada tahap optima. Susulan daripada itu, ia boleh menjurus kepada penyakit mental yang melibatkan gangguan-gangguan ketara dalam pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Sekiranya kesihatan mental tidak ditangani dengan baik, ia akan mengundang kepada ketidakselesaan seseorang terhadap persekitarannya sendiri, seterusnya mendorong kepada perlakuan yang negatif.

Ramai tidak menyedari bahawa mereka telah menunjukkan tanda-tanda awal penyakit mental yang biasanya dipandang remeh, tetapi merupakan antara pembunuh senyap dalam kalangan masyarakat iaitu kemurungan. Lebih menakutkan, ia mengundang kepada perlakuan yang lebih bahaya seperti kecenderungan untuk membunuh diri seawal usia remaja. Di Malaysia, Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan mendapati tingkah laku bunuh diri dalam kalangan remaja berumur antara 13 dan 17 tahun menunjukkan peningkatan tren iaitu prevalen idea bunuh diri adalah 10% pada tahun 2017 berbanding 7.9% pada tahun 2012. Kajian yang sama juga mendapati prevalen kemurungan adalah 18.3% di mana 1 daripada 5 remaja mengalami gejala kemurungan, 2 daripada 5 mengalami keresahan dan 1 daripada 10 mengalami stres.

Antara gejala kemurungan adalah :

- **Mula mengasingkan diri, menarik diri daripada rakan atau keluarga,**
- **Rasa sedih berpanjangan,**
- **Hilang minat terhadap aktiviti yang digemari,**
- **Hilang tumpuan dan sukar buat keputusan,**
- **Perubahan ketara dalam tabiat makan atau tidur**

Jika seseorang individu mula mengalami tanda-tanda seperti di atas, langkah pertama yang perlu diambil adalah tidak bersendirian. Mereka perlu mula bercakap dan berkongsi dengan orang yang dipercayai tentang permasalahan yang dihadapi. Sekiranya dirasakan agak serius, berjumpa dengan doktor atau pakar kesihatan merupakan cara yang paling efektif dalam membantu mengurangkan keresahan.

Oleh itu, penjagaan kesihatan mental bermula dari awal adalah amat penting. Berikut merupakan tips penjagaan mental yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian :

- Sentiasa berhubung dengan keluarga dan rakan-rakan
- Melakukan aktiviti yang diminati dan bermanfaat
- Melakukan aktiviti fizikal seperti bersenam dan beriadah
- Menjaga pola tidur dan pemakanan seharian
- Mengelakkan pengambilan bahan yang memudaratkan kesihatan seperti rokok, dadah dan alkohol
- Bijak mengurus masa

Selain daripada itu, sikap ambil peduli dan sokongan orang sekeliling juga amat penting bagi membendung permasalahan ini daripada terus merebak. Tanpa mengira sama ada orang yang dikenali itu adalah kawan, ahli keluarga atau rakan netizen dalam rangkaian sosial; setiap ahli masyarakat berada dalam kedudukan untuk memberikan harapan dan menyelamatkan nyawa. Paling utama, stigma terhadap kesihatan mental dan penyakit mental harus dihapuskan. Masyarakat harus tidak menghukum dan lebih terbuka membicarakan isu kesihatan mental seperti kemurungan dan tidak menganggapnya sebagai kes-kes terpencil. Keseriusan sesetengah kes, terutama yang melibatkan kehilangan nyawa seharusnya memberi isyarat yang jelas untuk semua pihak bertindak.

Benar, rutin kehidupan setiap insan tidak akan sama seperti sebelum ini dan perubahan gaya hidup mengikut norma baharu terpaksa diaplikasikan walaupun dilihat sebagai rumit serta membebankan. Apatah lagi, setiap individu mempunyai permasalahan tersendiri yang mengekang mereka untuk mengubah sesuatu yang telah sebati dengan diri. Namun, sekiranya setiap ahli masyarakat memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing, permasalahan yang mengaitkan ketidakstabilan kesihatan mental akan dapat ditangani bersama-sama demi membentuk persekitaran komuniti yang harmoni dan sejahtera.

Which countries tax their citizens the most?

Sumber : https://www.weforum.org/agenda/2019/11/income-tax-around-the-world/



Where do taxpayers pay the highest income taxes? In 2019, the highest income earners in Sweden pay a whopping 57.19 percent, more than anywhere else in the world. This is significantly more than the OECD average of 41.65 percent. In general, income taxes are higher in the Nordic countries. The highest taxes being in Denmark, Finland, and Iceland with respectively, 55.89, 53.75 and 46.24 percent. Based on the principle of public responsibility, contributions of wealthier citizens provide the minimum provisions for the less fortunate. Countries such as Austria, the Netherlands and Belgium apply a similar model.

At the other end of the spectrum, some countries do not have income taxes at all. Well-known examples include oil-rich countries such as Saudi Arabia, Qatar and Kuwait, which use petroleum revenue to provide for their nationals. Some Caribbean Islands, such as Anguilla and Antigua and Barbuda, do not have income taxes either. The Cayman Islands and the Bahamas are also known for being tax havens.

STRANGE & UNUSUAL TAX THROUGHOUT HISTORY

Sumber : **https://efile.com**

WALLPAPER TAX

In 1712, England imposed a tax on printed wallpaper. Builders avoided the tax by hanging plain wallpaper and then painting patterns on the walls.

PREPARED MEALS TAX

Some cities like New York, place a special tax on prepared foods. So, a sliced bagel for example, would be taxed once as a food then again as prepared food, thus creating a sliced bagel tax.

JOCK TAX

Many cities and states levy a “jock tax” on any income earned by entertainers and athletes while playing in that city. As a result, athletes have to pay taxes on a portion of their income in any place they play. This really adds new meaning to the phrase: “home field advantage.”

LHDN MALAYSIA

SCAN ME

Physical Space *to* Digital Space

www.hasil.gov.my

/LHDNM /LHDNMofficial /LHDNM /LhdnTube 03 - 8911 1000

strive
beyond boundaries

LHDNM

/lhdnTube

/LHDNM

/LHDNMofficial

www.hasil.gov.my

03-8911 1000